

JAWAPAN

**KERTAS SOALAN
PEPERIKSAAN SEBENAR
SPM 2018-2023**

EKONOMI



KERTAS 1

- 1 **A**
Ulasan: Tanah merupakan segala sumber anugerah alam semula jadi.
- 2 **B**
Ulasan: Usahawan merupakan individu yang menyatukan dan menguruskan sumber, pengeluaran untuk menghasilkan barang dan perkhidmatan.
- 3 **A**
Ulasan: Apabila kaedah pengeluaran berubah dari Intensif Buruh ke Intensif Modal, pengeluaran seluar bertambah daripada 60 unit kepada 100 unit dan pengeluaran baju berkurang daripada 100 unit kepada 60 unit. Dengan ini, kos lepas ialah barangan yang berkurang, iaitu 40 baju.
- 4 **D**
Ulasan:
- Titik Y berada di luar Keluk Kemungkinan Pengeluaran (KKP) dan sukar untuk dicapai pengeluaran jam tangan dan pakaian pada titik berkenaan.
 - Semua titik MNOPQ yang terletak sepanjang KKP menunjukkan masalah pilihan antara kedua-dua barang yang dikeluarkan dalam ekonomi.
- 5 **A**
Ulasan: Apa yang hendak dikeluarkan – masalah asas ini akan diputuskan berdasarkan keperluan dan kehendak pengguna.
- 6 **D**
Ulasan: Dalam sistem ekonomi pasaran bebas wujud persaingan antara pengeluar-pengeluar dan menggalakkan kecekapan penggunaan sumber manakala dalam sistem ekonomi perancangan pusat tidak wujud persaingan antara firma-firma.
- 7 **C**
Ulasan: Sistem ekonomi Islam menggalakkan persaingan adil antara para pengeluar tanpa penindasan.
- 8 **D**
Ulasan: Permintaan berkesan berlaku apabila permintaan barang/perkhidmatan dalam pasaran diikuti dengan kesanggupan membayar/kemampuan membayar.
- 9 **B**
Ulasan: Keluk permintaan pasaran diperoleh dengan cara menjumlahkan secara mendatar semua kuantiti

yang diminta oleh setiap individu terhadap sesuatu barang pada tingkat harga tertentu dan pada suatu tempoh masa tertentu.

- 10 **A**
Ulasan: Peningkatan daya pengeluaran mungkin akibat daripada peningkatan dalam teknologi pengeluaran.
- 11 **B**
Ulasan: Pada harga RM35 berlaku lebih penawaran sebanyak 180 unit ($320 > 140$). Lebih penawaran akan menyebabkan harga barang akan menurun.
- 12 **A**
Ulasan:
- Melonggarkan syarat-syarat sewa beli terdiri daripada
 - deposit sewa beli yang rendah
 - jumlah pinjaman yang tinggi
 - kadar bunga yang rendah
 - tempoh bayaran ansuran yang lebih panjang
 - ansuran bulanan yang rendah
 - Kesemua syarat-syarat sewa beli yang longgar ini akan menyebabkan keluk permintaan beralih dari D_0D_0 ke D_1D_1 .
- 13 **A**
Ulasan:
- Harga meningkat RM6 ke RM12 dan kuantiti turun 30kg ke 10kg.
 - $$E_d = \frac{\Delta Q}{Q_0} \times \frac{P_0}{\Delta P}$$

$$= \frac{20}{30} \times \frac{6}{6} = \frac{2}{3} = 0.67$$
- 14 **B**
Ulasan:
- Barang X $\rightarrow E_s = \frac{\% \Delta Q}{\% \Delta P} = \frac{25}{40} = 0.625 \rightarrow E_s < 1$
 - Keanjalan penawaran kurang dari satu maka keluk penawaran lebih curam.
 - Barang Y $\rightarrow E_s = \frac{\% \Delta Q}{\% \Delta P} = \frac{50}{30} = 1.67 \rightarrow E_s < 1$
 - Keanjalan penawaran lebih dari satu maka keluk penawaran lebih landai.
- 15 **D**
Ulasan:
- Harga \uparrow RM1.50 \rightarrow RM2.00.
 - Kuantiti penawaran \uparrow 160 \rightarrow 260 unit.
 - $$E_s = \frac{\Delta Q}{Q_0} \times \frac{P_0}{\Delta P}$$

$$= \frac{100}{160} \times \frac{1.50}{0.50} = \frac{2}{3}$$

$$= 1.88$$

16 C

Ulasan: Membandingkan harga komputer di beberapa kedai dan membezakan nilai komputer yang hendak dibeli.

17 B

Ulasan:

- Nisbah rizab berkanun ialah sejumlah wang yang perlu disimpan oleh bank perdagangan di bank pusat.
- Jumlah nisbah rizab berkanun yang perlu disimpan oleh bank perdagangan di bank pusat berubah antara masa inflasi (ditinggikan) dengan semasa deflasi (direndahkan).
- Semasa deflasi Bank Negara Malaysia/bank pusat selalunya menurunkan nisbah rizab berkanun, akibatnya penawaran wang dalam pasaran bertambah serta keupayaan bank memberi pinjaman meningkat.

18 C

Ulasan:

- Overdraf ialah pengeluaran sejumlah wang melebihi jumlah baki yang ada di dalam akaun semasa setakat had yang dibenarkan oleh bank perdagangan.
- Overdraf biasanya digunakan oleh pemilik akaun semasa yang menghadapi masalah aliran tunai.

19 C

Ulasan: Pemegang deposit semasa dan deposit tabungan dapat mengeluarkan wang pada bila-bila masa melalui urusan *online* serta boleh mengeluarkan tunai melalui juruwang elektronik (ATM).

20 D

Ulasan: Perintah sedia ada/arahan tetap daripada pendeposit akaun semasa atau akaun tabungan bank perdagangan untuk membuat bayaran tetap, berulang pada tarikh dan masa yang telah ditetapkan (sewa rumah/ansuran kereta/pinjaman bank/insurans).

21 C

Ulasan:

- Pemegang akaun semasa di bank perdagangan boleh mengeluarkan wang melebihi baki wang di dalam akaunnya.
- Walaupun jumlah overdraf yang diluluskan adalah banyak tetapi faedah hanya dikenakan terhadap jumlah.

22 A

Ulasan:

- Pendapatan benar = $\frac{\text{Pendapatan wang}}{\text{Harga purata}}$
- $\frac{\text{RM5 000}}{\text{RM}(6 + 10 + 15) / 3} = \frac{\text{RM5 000}}{\text{RM10.33}} = 484.03 \text{ unit}$

$$- \frac{\text{RM5 000}}{\text{RM20}} = 250 \text{ unit}$$

- Pendapatan benar/kuasa beli menurun.

23 D

Ulasan:

- Tanah (sewa).
- Di Tabung Haji (menerima dividen simpanan).
- Perniagaan busana (untung).

24 B

Ulasan: Langkah-langkah menyediakan belanjawan peribadi

- mengenal pasti punca pendapatan dan potongan wajib serta pendapatan boleh guna
- mencatat semua perbelanjaan yang perlu dilakukan
- menyusun perbelanjaan mengikut keutamaan
- mengimbangkan anggaran pendapatan boleh guna dan perbelanjaan

25 D

Ulasan: Ciri-ciri input berubah

- kuantiti input berubah mengikut jumlah keluaran
- input berubah wujud dalam jangka masa pendek dan jangka masa panjang
- input berubah tidak digunakan semasa keluaran sifar
- buruh, bahan mentah dan bahan api

26 B

Ulasan: Pengeluaran ialah suatu proses yang menggabungkan input pengeluaran oleh firma untuk menghasilkan barang dan perkhidmatan.

27 C

Ulasan: Ciri-ciri pengeluaran jangka pendek

- terdapat penggunaan faktor tetap dan faktor berubah
- jangka masa pendek hanya faktor berubah sahaja dapat ditambahkan
- penggunaan faktor tetap kekal sama

28 D

Ulasan:

- Kos tetap wujud walaupun keluaran belum mula.
- Kos tetap kekal sama walaupun keluaran berubah.
- Kos tetap wujud dalam pengeluaran jangka pendek.

29 B

Ulasan:

- Jumlah kos = Output \times Kos purata
= 25 unit \times RM4
= RM100
- Kos tetap = Jumlah kos – Kos berubah
= RM100 – RM60
= RM40

30 A

Ulasan:

- Untung = Jumlah hasil - Jumlah kos = RM30 000 - RM22 000 = RM8 000
- Jumlah hasil = Keluaran × Harga seunit = 2 000 unit × RM15 = RM30 000
- Jumlah kos = RM(3 000 + 12 000 + 5 000 + 2 000) = RM22 000

31 B

Ulasan:

- Tenaga pekerja mahir/berkelayakan dapat membantu dalam peningkatan produktiviti.
- Struktur organisasi - Hierarki dalam suatu organisasi mengikut kemahiran seseorang individu dapat membantu peningkatan produktiviti.

32 D

Ulasan: Contohnya, cukai eksport, cukai import, cukai eksais, GST, levi dan cukai perjudian.

33 B

Ulasan: Import tak nampak ialah penggunaan perkhidmatan dari/di luar negara oleh warga Malaysia. Ini menyebabkan wang mengalir keluar dari Malaysia.

34 A

- Ulasan:** Akaun semasa terdiri daripada
- akaun perdagangan - perbezaan eksport/import barang
 - akaun perkhidmatan - import/eksport perkhidmatan
 - akaun pendapatan primer - pampasan pekerja/dividen pelaburan
 - akaun pendapatan sekunder - bayaran pindahan/bantuan

35 A

Ulasan:

- Eksport barang dan perkhidmatan - mempengaruhi DD RM.
- Import barang dan perkhidmatan - mempengaruhi SS RM.

36 B

Ulasan:

- I Salah - Kekurangan kerajaan ialah pendapatan negara/hasil cukai.
- II Betul - Matlamat kerajaan ialah kebajikan rakyat yang maksimum.

37 D

Ulasan:

- I Salah - Menukarkan barang separuh siap menjadi barang siap adalah sektor kedua.
- II Salah - Sektor ketiga dikenal sebagai sektor tertier.

38 A

Ulasan:

- I Betul - Barang-barang yang diperlukan untuk hidup yang selesa dikenali kehendak pengguna.
- II Salah - Kehendak manusia ialah tidak terhad.

39 C

Ulasan:

- I Betul - Produktiviti atau daya pengeluaran ialah keupayaan untuk menambahkan output daripada sejumlah input tertentu.
- II Betul - Peningkatan produktiviti akan bantu meningkatkan pertumbuhan ekonomi.

40 C

Ulasan:

- I Betul - Kadar pertukaran asing ialah nilai mata wang asing sesebuah negara dalam sebutan mata wang negara lain.
- II Betul - Perubahan dalam kadar pertukaran asing akan mempengaruhi peningkatan/penurunan eksport dan import dan seterusnya perubahan dalam imbalan pembayaran/perdagangan.

KERTAS 2

Bahagian A

Soalan	Isi	Markah
1(a)	Keadaan kombinasi pengeluaran di titik X ialah <ul style="list-style-type: none"> - berlaku masalah ketidakupayaan ekonomi - berlaku masalah kekurangan sumber ekonomi - tidak boleh dicapai - ekonomi telah mencapai tingkat guna tenaga penuh - titik berada di luar keluk kemungkinan pengeluaran 	1 1 1 1 1 [Maksimum: 3 markah]


Soalan	Isi	Markah								
	(ii) Perbezaan antara dasar fiskal dengan dasar kewangan ialah									
	<table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr> <th style="width: 50%; text-align: center;">Dasar fiskal</th> <th style="width: 50%; text-align: center;">Dasar kewangan</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Menggunakan hasil cukai atau perbelanjaan kerajaan untuk mempengaruhi aktiviti ekonomi</td> <td>Menggunakan nisbah rizab berkanun atau nisbah rizab tunai atau syarat sewa beli atau surat jaminan kerajaan atau kadar faedah untuk mempengaruhi aktiviti ekonomi</td> </tr> <tr> <td>Mempengaruhi permintaan agregat atau pendapatan boleh guna</td> <td>Mempengaruhi bekalan wang dalam ekonomi</td> </tr> <tr> <td>Dirancang dalam bajet negara</td> <td>Dirancang oleh Bank Negara Malaysia</td> </tr> </tbody> </table>	Dasar fiskal	Dasar kewangan	Menggunakan hasil cukai atau perbelanjaan kerajaan untuk mempengaruhi aktiviti ekonomi	Menggunakan nisbah rizab berkanun atau nisbah rizab tunai atau syarat sewa beli atau surat jaminan kerajaan atau kadar faedah untuk mempengaruhi aktiviti ekonomi	Mempengaruhi permintaan agregat atau pendapatan boleh guna	Mempengaruhi bekalan wang dalam ekonomi	Dirancang dalam bajet negara	Dirancang oleh Bank Negara Malaysia	1 + 1
	Dasar fiskal	Dasar kewangan								
	Menggunakan hasil cukai atau perbelanjaan kerajaan untuk mempengaruhi aktiviti ekonomi	Menggunakan nisbah rizab berkanun atau nisbah rizab tunai atau syarat sewa beli atau surat jaminan kerajaan atau kadar faedah untuk mempengaruhi aktiviti ekonomi								
Mempengaruhi permintaan agregat atau pendapatan boleh guna	Mempengaruhi bekalan wang dalam ekonomi									
Dirancang dalam bajet negara	Dirancang oleh Bank Negara Malaysia									
		1 + 1								
		1 + 1								
		[Maksimum: 4 markah]								
3(b)	Jenis-jenis hasil cukai kerajaan ialah									
	(i) Cukai langsung	1								
	– beban cukai tidak boleh dipindahkan kepada pihak lain	1								
	– contohnya, cukai pendapatan individu atau cukai pendapatan syarikat atau cukai pendapatan koperasi atau cukai pendapatan petroleum atau cukai langsung yang lain	1								
	– dikenakan ke atas harta atau pendapatan	1								
	(ii) Cukai tak langsung	1								
	– beban cukai boleh dipindahkan kepada pihak lain	1								
	– contohnya, duti eksais atau duti import atau duti eksport atau cukai perjudian atau levi	1								
	– dikenakan ke atas barang atau perkhidmatan	1								
		[Maksimum: 4 markah]								
3(c)	(i) Kadar pertukaran asing pada 8 Januari 2018 ialah USD1 = RM4.00	1								
		[Maksimum: 1 markah]								
	(ii) Situasi yang telah dihadapi oleh syarikat tersebut ialah									
	<u>8 Januari 2018</u>									
	USD 1 = RM4.00									
	USD60 000 = $\frac{\text{USD60 000}}{\text{USD1}} \times \text{RM4.00}$									
	= RM240 000									
	<u>1 Februari 2018</u>									
	USD1 = RM3.90									
	USD60 000 = $\frac{\text{USD60 000}}{\text{USD1}} \times \text{RM3.80}$									
	= RM234 000									
	Perbezaan = RM240 000 – RM234 000									
	= RM6 000	1								
	– Syarikat Harmoni mendapat untung sebanyak RM6 000	1								
	– Nilai RM meningkat atau nilai USD jatuh	1								
	– Syarikat hanya perlu membayar RM234 000 pada 1 Februari 2018 berbanding RM240 000 pada 8 Januari 2018	1								
		[Maksimum: 4 markah]								

Soalan	Isi	Markah
3(d)	<p>(i) Konsep kos pengeluaran ialah</p> <ul style="list-style-type: none"> - segala perbelanjaan terhadap input yang digunakan dalam proses pengeluaran - dalam jangka pendek kos pengeluaran terdiri daripada kos tetap dan kos berubah - dalam jangka panjang kos pengeluaran terdiri daripada kos berubah sahaja <p>(ii) Kos marginal = $\frac{\text{Perubahan jumlah kos}}{\text{Perubahan jumlah output}}$</p> $= \frac{\text{RM280.00} \times 20\%}{50 - 40}$ $= \frac{\text{RM56.00}}{10 \text{ unit}}$ $= \text{RM5.60}$	<p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>[Maksimum: 2 markah]</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>[Maksimum: 3 markah]</p>

Bahagian B

Soalan	Isi	Markah
4(a)	<p>Kerajaan menetapkan sasaran sedemikian kerana</p> <ul style="list-style-type: none"> - rumah merupakan barang keperluan asas - perlu dipenuhi oleh semua orang - matlamat kerajaan untuk memaksimumkan kebajikan rakyat - golongan berpendapatan rendah mampu memiliki rumah sendiri - dapat meningkatkan taraf hidup rakyat terutamanya golongan B40 - menjalankan peranan sebagai pengeluar 	<p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>[Maksimum: 4 markah]</p>
4(b)	<p>Kesan sasaran kerajaan ke atas pasaran rumah ialah</p> <p>The graph shows a downward-sloping demand curve (D) and two upward-sloping supply curves, S₀ and S₁. S₁ is to the right of S₀, indicating an increase in supply. The initial equilibrium E₀ is at the intersection of D and S₀, with price P₀ and quantity Q₀. The new equilibrium E₁ is at the intersection of D and S₁, with a lower price P₁ and a higher quantity Q₁. Arrows indicate the shift from S₀ to S₁ and the resulting changes in price and quantity.</p> <ul style="list-style-type: none"> - dasar kerajaan untuk memastikan lebih ramai rakyat mampu memiliki rumah sendiri ditunjukkan oleh rajah di atas - penawaran rumah meningkat - keluk penawaran beralih ke kanan dari S₀S₀ ke S₁S₁ - berlaku perubahan keseimbangan dari E₀ ke E₁ - harga keseimbangan baharu pada P₁ - kuantiti keseimbangan baharu pada Q₁ - kesannya, apabila berlaku peningkatan penawaran manakala permintaan tetap kuantiti keseimbangan meningkat dari Q₀ ke Q₁ - harga keseimbangan menurun dari P₀ ke P₁ 	<p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>[Maksimum: 7 markah]</p>

Soalan	Isi	Markah
4(c)	<p>Kerajaan dapat memastikan sasaran tersebut berjaya dicapai dengan cara mengurangkan cukai terhadap bahan-bahan binaan. Kesannya kos pengeluaran akan berkurang. Rumah yang dibina dapat dijual dengan harga yang lebih murah. Oleh itu kerajaan dapat mencapai matlamatnya, iaitu dapat memaksimumkan kebajikan rakyat.</p> <p>Kerajaan melalui bank pusat boleh menurunkan kadar faedah pinjaman. Maka kos pinjaman berkurang. Kesannya dapat menggalakkan pihak pemaju perumahan mendapatkan pinjaman. Kos pinjaman rendah maka rumah mampu dimiliki oleh semua golongan masyarakat.</p> <p>Kerajaan boleh juga menyerahkan projek pembangunan kepada pihak swasta. Namun begitu perlu dikawal selia supaya harga rumah itu berpatutan serta berkualiti serta selamat untuk didiami. Selain itu, kerajaan juga perlu mengawal selia supaya rumah itu dapat dibina mengikut jadual pembinaan agar tidak berlaku projek perumahan terbengkalai.</p>	<p>[Maksimum: 9 markah]</p>
5(a)	<p>Pendapatan tersebut ialah</p> <ul style="list-style-type: none"> - upah - dibayar kepada individu yang bekerja dengan orang lain - contohnya, guru - ganjaran kepada faktor pengeluaran buruh - menyumbangkan tenaga mental atau fizikal dalam proses pengeluaran - dibayar mengikut masa bekerja atau mengikut output yang dihasilkan - terdiri daripada upah wang dan upah benar 	<p>1 1 1 1 1 1 1</p> <p>[Maksimum: 4 markah]</p>
5(b)	<p>Senario sedemikian berlaku kerana</p> <ul style="list-style-type: none"> - bekerja dengan orang lain - dengan kerajaan atau pihak swasta - pendapatan lebih terjamin - dibayar mengikut kelayakan akademik atau pengalaman - tidak menanggung risiko atau risiko rendah - majikan mencarum dalam KWSP - mendapat pelbagai faedah sampingan - contohnya, cuti tahunan, rawatan percuma - tiada modal untuk menjalankan perniagaan 	<p>1 1 1 1 1 1 1 1</p> <p>[Maksimum: 7 markah]</p>
5(c)	<p>Peningkatan upah akan meningkatkan pendapatan boleh guna seseorang individu. Apabila pendapatan meningkat, permintaan terhadap barang dan perkhidmatan di pasaran juga akan meningkat. Hal ini menunjukkan peningkatan kuasa beli isi rumah dan menyebabkan keluk permintaan beralih ke kanan. Keadaan ini dapat diperhatikan dalam rajah di bawah.</p> <div data-bbox="511 1401 878 1656" data-label="Figure"> </div> <p>Selain dari itu, peningkatan upah juga akan meningkatkan tabungan individu. Individu boleh menggunakan tabungan untuk membayar deposit untuk membeli rumah. Kesannya isi rumah tidak perlu lagi menyewa kerana sudah mempunyai rumah sendiri. Maka dengan itu taraf hidup isi rumah akan meningkat.</p>	

Soalan	Isi	Markah
	<p>Dalam masa yang sama, saya akan membuat perbandingan harga sebelum membeli barang. Saya perlu selalu membuat tinjauan di kedai-kedai supaya saya dapat membandingkan harga barang dan seterusnya membeli di kedai yang menawarkan harga yang murah. Contohnya, kedai A menjual kasut sukan dengan harga RM99.00 manakala kedai B menjual kasut sukan dengan harga RM89.00. Maka saya akan membeli di kedai B dan lebihan sebanyak RM10.00 saya akan simpan.</p> <p>Saya akan mengamalkan sikap berjimat cermat untuk mengurangkan perbelanjaan. Saya akan menanam sayur dengan kaedah hidroponik di rumah. Selain dari dapat menjimatkan perbelanjaan, saya juga dapat makan sayur yang bebas dari racun serangga. Saya bukan sahaja dapat mengurangkan perbelanjaan wang tetapi juga dapat menjaga kesihatan.</p>	<p>[Maksimum: 9 markah]</p>
7(a)	<p>Tindakan tersebut dapat membantu industri kereta tempatan dengan cara</p> <ul style="list-style-type: none"> - mengurangkan penawaran kereta import - tarif merupakan satu sekatan kepada perdagangan antarabangsa - dikenakan terhadap barang yang diimport - harga kereta import menjadi mahal - harga kereta tempatan secara relatifnya lebih murah - pengguna akan beralih kepada kereta tempatan - permintaan kereta tempatan akan meningkat - penawaran kereta tempatan akan meningkat - meningkatkan keuntungan industri kereta tempatan 	<p>1 1 1 1 1 1 1 1 1 1</p> <p>[Maksimum: 4 markah]</p>
7(b)	<p>Kesan tindakan tersebut terhadap pasaran kereta tempatan ditunjukkan oleh rajah di bawah.</p>  <p>Sebelum berlaku perdagangan antarabangsa keseimbangan pasaran dicapai pada titik E_0</p> <p>Keluk permintaan D_0 bersilang dengan keluk penawaran S_0</p> <p>Tingkat harga dan kuantiti keseimbangan masing-masing dicapai pada P_0 dan Q_0</p> <p>Selepas berlaku perdagangan antarabangsa, Keluk penawaran baharu ialah S_1. Harga kereta OP_1 dan jumlah permintaan kereta $0Q_4$</p> <p>Jumlah penawaran kereta dalam negara ialah $0Q_1$ dan jumlah kereta yang diimport adalah sebanyak Q_1Q_4</p> <p>Pengenaan tarif sebanyak P_1P_2 menyebabkan keluk penawaran beralih ke S_2</p> <p>Jumlah permintaan kereta ialah $0Q_3$</p> <p>Jumlah penawaran kereta dalam negara ialah $0Q_2$ dan jumlah kereta diimport adalah sebanyak Q_2Q_3</p> <p>Pengenaan tarif menyebabkan harga pasaran kereta meningkat dari P_1 ke P_2</p> <p>Jumlah penawaran kereta dalam negara meningkat dari Q_1 ke Q_2</p> <p>Kerajaan akan memperoleh hasil cukai import sebanyak $AHGE_2$</p>	<p>1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1</p> <p>[Maksimum: 7 markah]</p>

Soalan	Isi	Markah
7(c)	<p>Saya tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut. Di mana pengenaan tarif lebih menguntungkan pengeluar berbanding pengguna.</p> <p>Pengenaan tarif menyebabkan harga kereta import menjadi lebih mahal kerana pengeluar memindahkan beban cukai itu kepada pengguna yang membeli kereta import. Pengguna terpaksa mengeluarkan perbelanjaan yang lebih banyak untuk membayar ansuran bulanan. Maka kos sara hidup akan bertambah.</p> <p>Pengenaan tarif menyebabkan harga kereta tempatan secara relatifnya lebih murah maka permintaan terhadap kereta tempatan akan meningkat. Pengeluar kereta akan meningkatkan penawaran untuk menampung peningkatan dalam permintaan. Jualan akan meningkat. Maka ia akan memberi keuntungan kepada pengeluar.</p> <p>Apabila keuntungan meningkat, pengeluar mampu meningkatkan pelaburan seperti meningkatkan penggunaan teknologi dalam pembuatan kereta. Kesannya mutu pembuatan bertambah baik, dapat mengeluarkan kereta yang berprestij tinggi seterusnya mampu memenuhi cita rasa pengguna. Dengan itu, ia juga dapat meningkatkan imej pengeluar.</p>	[Maksimum: 9 markah]

SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2019

KERTAS 1

1 **D**

Ulasan:

- Tanah ialah segala sumber semula jadi yang dikurniakan oleh Tuhan.
- Modal ialah semua alat ciptaan manusia yang akan digunakan dalam proses pengeluaran.

2 **A**

Ulasan:

- Usahawan sanggup menanggung risiko ketidakpastian.
- Usahawan haruslah kreatif dan inovatif dalam barang yang dikeluarkan dan diniagakan.

3 **A**

Ulasan:

- Dalam sistem ekonomi kapitalis/pasaran bebas, harga dalam pasaran ditentukan oleh kuasa permintaan (DD) dan kuasa penawaran (SS), iaitu menerusi mekanisme harga.
- Dalam sistem ekonomi sosialis/perancangan pusat, harga barang dalam pasaran ditentukan oleh kerajaan/pihak perancangan pusat.

4 **D**

Ulasan: Peningkatan pendapatan menyebabkan keluk DD akan beralih ke kanan. Walaupun harga tetap pada RM5, keluk DD akan beralih ke kanan. Contohnya, titik S → R.

5 **B**

Ulasan:

Harga (RM)	Permintaan oleh			
	D ₁	D ₂	D ₃	Jumlah
30	12	16	12	40
20	2	8	8	18
10	–	5	6	11

6 **D**

Ulasan: Apabila penawaran berkurang keluk S₀ berpindah ke S₁, akibatnya titik keseimbangan berubah dari E₀ ke E₁. Kesannya, harga meningkat dari P₀ ke P₁, serta kuantiti berkurang dari Q₀ ke Q₂.

7 **C**

Ulasan: Peningkatan pendapatan pengguna akan menyebabkan keluk permintaan (DD) akan beralih ke kanan dari D₀D₀ ke D₁D₁. Kesannya, harga naik P₀ ke P₁ dan kuantiti meningkat dari Q₀ ke Q₁.

8 **C**

Ulasan: Keluk permintaan (DD) yang curam menunjukkan ia barang keperluan seperti beras, gula, ubat dan sayur-sayuran. Nilai keanjalan mesti kurang daripada 1. (E_d < 1)

9 **B**

Ulasan:

- Harga naik daripada RM6 kepada RM12 dan permintaan kurang 30 → 10kg.

$$\begin{aligned}
 - E_d &= \frac{\Delta Q}{Q_0} \times \frac{P_0}{\Delta P} \\
 &= \frac{20}{30} \times \frac{6}{6} \\
 &= 0.67
 \end{aligned}$$

10 C

Ulasan:

- Barang anjal ialah barang kilang/barang tahan lama.
- Nilai keanjalan penawaran lebih dari satu ($E_s > 1$).
- Penawaran barang lebih responsif terhadap perubahan harga.
- $\% \Delta Q_s > \% \Delta P$.
- Keluk penawaran lebih landai.

11 C

Ulasan: Bank pusat/Bank Negara Malaysia memberi pinjaman kepada kerajaan apabila perbelanjaan kerajaan melebihi hasil kerajaan (kekurangan kewangan).

12 C

Ulasan: Nilai wang yang stabil untuk jangka panjang membolehkan wang berfungsi sebagai alat bayaran tertunda.

13 A

Ulasan: Simpanan tetap akan dibayar kadar faedah yang tinggi dan bergantung kepada tempoh simpanan, iaitu lagi lama lagi tinggi kadar faedah dibayar.

14 B

Ulasan: Sektor kedua (sekunder) terdiri daripada sektor perindustrian dan sektor pembinaan.

15 D

Ulasan:

- X = untung.
- Untung ialah ganjaran/pulangan yang diterima oleh usahawan hasil daripada perniagaan yang dijalankan.

16 A

Ulasan: Pendapatan daripada faktor produktif ialah

- buruh (upah) = RM2 000
- tanah (sewa) = RM300
- jumlah = RM2 300

17 D

Ulasan: Kepentingan belanjawan peribadi

- membolehkan individu mendahulukan perkara penting
- membantu individu menabung
- membantu menyelaraskan perbelanjaan mengikut pendapatan
- mengelakkan hutang
- mengelakkan kenaikan harga barang atau inflasi

18 B

Ulasan:

- Input tetap kekal wujud walaupun tiada pengeluaran dijalankan. Contohnya, bangunan kilang.

- Input berubah tidak wujud ketika keluaran tidak dijalankan. Contohnya, bahan mentah/buruh.

19 B

Ulasan:

- Jumlah kos = Kos Purata \times Keluaran
= RM15 \times 10 UNIT = RM150
- Kos berubah = Jumlah kos - Kos tetap
= RM450 - RM70 = RM80

20 D

Ulasan:

$$\begin{aligned} \text{Keluaran marginal} &= \frac{\Delta \text{Jumlah keluaran}}{\Delta \text{Buruh}} \\ &= \frac{75 - 60}{12 - 10} = \frac{15}{2} \\ &= 7.5 \text{ unit} \end{aligned}$$

21 B

Ulasan: Untung = Jumlah hasil - Jumlah kos

- Jumlah hasil = Harga \times Keluaran \rightarrow RM21.50 \times 150 = RM3 225.00
- Jumlah kos = Kos purata \times Keluaran \rightarrow RM20.00 \times 150 = RM3 000.00
- Untung = RM225.00

22 B

Ulasan:

- Eksternaliti merujuk kepada kos luaran yang ditanggung oleh masyarakat selain pengeluar dan pengguna barang itu.
- Kesan eksternaliti juga biasanya tidak diambil kira dalam harga barang/perkhidmatan yang dikeluarkan.

23 D

Ulasan: Cara mengatasi kesan inflasi melalui dasar fiskal ialah dasar fiskal mengucup, iaitu cukai dinaikkan dan belanja kerajaan diturunkan.

24 B

Ulasan: Inflasi sederhana menyebabkan pihak pengeluar menambahkan produktiviti dan pengambilan pekerja ditingkatkan. Akibatnya, guna tenaga meningkat dan pengangguran menurun.

25 D

Ulasan: Pengangguran geseran berlaku dalam kalangan lepasan universiti untuk tempoh sementara kerana masih mencari pekerjaan yang diingini.

26 D

Ulasan: Dasar kewangan mengembang oleh Bank Negara Malaysia akan menambahkan bekalan wang dalam negara. Pertambahan bekalan wang menyebabkan pengeluaran bertambah dan membantu mengurangkan kadar pengangguran dalam negara.

27 **B**

Ulasan: Bank Negara Malaysia mengawal inflasi dengan menjalankan dasar kewangan kuncup/ketat di mana

- menjual surat jaminan kerajaan
- nisbah rizab tunai ditinggikan
- nisbah rizab berkanun ditinggikan
- kadar bunga atas pinjaman dan tabungan ditinggikan
- syarat-syarat sewa beli diketatkan

28 **D**

Ulasan: Pemandahan teknologi dari luar negara berlaku melalui perdagangan antarabangsa. Teknologi moden yang dibawa masuk membantu meningkatkan pertumbuhan ekonomi sesebuah negara.

29 **D**

Ulasan: Pengimport barang harus mempunyai mata wang asing untuk membayar barang import. Bagi menghadkan kuantiti barang yang diimport, kerajaan akan menghadkan jumlah mata wang asing yang boleh diperolehi oleh pengimport.

30 **B**

Ulasan: Sekatan perdagangan antarabangsa akan mengurangkan kemasukan barang import. Ini akan memberi peluang kepada pengeluar tempatan untuk mengeluarkan barang penggantian import. Peningkatan pengeluaran dalam negara dapat meningkatkan peluang pekerjaan.

31 **C**

Ulasan: Kerajaan memberi subsidi kepada pengeluar tempatan supaya harga barang keluaran tempatan menjadi murah serta dapat bersaing di peringkat antarabangsa.

32 **A**

Ulasan:

- Imbangan dagangan terdiri daripada nilai eksport barang (wang alir masuk) dengan nilai import barang (wang alir keluar).
- Jika nilai import barang dari luar negara melebihi nilai eksport barang maka imbangan dagangan cenderung menjadi negatif/defisit.

33 **B**

Ulasan:

- Negara Jepun mesti memiliki Ringgit Malaysia untuk membayar petroleum yang dibeli dari Malaysia.
- Pelabur luar negara yang hendak memulakan pelaburan di Malaysia juga perlu memiliki Ringgit Malaysia supaya dapat membayar semua urusan pelaburan di Malaysia.

34 **D**

Ulasan: Malaysia memerlukan mata wang asing bagi tujuan

- membayar barangan import dari luar negara
- memulakan pelaburan di luar negara
- membayar balik hutang luar negara
- menjaga kestabilan nilai Ringgit Malaysia berbanding mata wang luar negara

35 **A**

Ulasan:

- I Betul – Pilihan untuk mengeluarkan sesuatu barang akan menyebabkan wujudnya kos lepas.
- II Salah – Kos lepas yang dihadapi oleh firma ialah output atau projek kedua terbaik yang terpaksa dilepaskan.

36 **A**

Ulasan:

- I Betul – Mekanisme harga/keseimbangan pasaran berlaku apabila keluk DD bersilang dengan keluk SS hasil daripada interaksi antara kuasa permintaan dengan kuasa penawaran.
- II Salah – Harga barang/perkhidmatan yang dikeluarkan dalam sistem ekonomi perancangan pusat ditentukan oleh kerajaan.

37 **A**

Ulasan:

- I Betul – Hukum permintaan menyatakan apabila
 - harga meningkat \rightarrow permintaan menurun ($P\uparrow \rightarrow D\downarrow$)
 - harga menurun \rightarrow permintaan meningkat ($P\downarrow \rightarrow D\uparrow$)
 - hubungan antara harga dan permintaan songsang
- II Salah – Berdasarkan hukum permintaan, keluk DD bercerun ke bawah dari kiri ke kanan.

38 **C**

Ulasan:

- I Betul – Definisi penawaran – penawaran merujuk kepada kuantiti sesuatu barang yang sanggup dan mampu ditawarkan oleh firma pada suatu tingkat harga tertentu dan dalam suatu tempoh masa tertentu.
- II Betul – Hukum penawaran menyatakan apabila
 - harga meningkat \rightarrow kuantiti penawaran meningkat
 - harga menurun \rightarrow kuantiti penawaran menurun

39 **A**
Ulasan:

- I Betul – Keanjalan harga permintaan mengukur peratus perubahan kuantiti diminta akibat daripada peratus perubahan harga barang itu.
 $E_d = \% \Delta Q_d \rightarrow \text{akibat} \rightarrow \% \Delta P$.
- II Salah – Bagi barang yang lebih anjal (keluk DD landai/anjal) firma perlu menurunkan harga untuk meningkatkan hasil jualan/keuntungan.

40 **A**
Ulasan:

- I Betul – Dasar belanjawan defisit berlaku apabila perbelanjaan kerajaan melebihi hasil cukai/hasil kerajaan. Dasar belanjawan defisit dijalankan oleh kerajaan bagi mengatasi kemelesetan ekonomi.
- II Salah – Belanjawan defisit berlaku apabila kerajaan membuat perbelanjaan yang lebih daripada hasil cukai. Dasar belanjawan defisit dijalankan untuk mengawal keadaan kemelesetan ekonomi.

KERTAS 2

Bahagian A

Soalan	Isi	Markah						
1(a)	<p>Usahawan sebagai sumber ekonomi dalam proses pengeluaran ialah</p> <ul style="list-style-type: none"> – individu yang bekerja sendiri – individu yang menggabungkan dan menyelaraskan faktor pengeluaran yang lain – meminimumkan kos pengeluaran – dapat memaksimumkan keuntungan – memiliki ciri-ciri kreatif – inovatif – berani menghadapi risiko – tidak mudah berputus asa 	<p>1 1 1 1 1 1 1 1 1</p> <p>[Maksimum: 4 markah]</p>						
1(b)	<p>Persaingan yang adil dan saksama antara individu wujud dalam Ekonomi Islam</p> <ul style="list-style-type: none"> – individu dan pihak swasta bebas mencari kekayaan – demi kebajikan dan kesejahteraan di dunia dan di akhirat – pengguna dan pengeluar berhak membuat keputusan ekonomi – pengguna bebas memilih barang atau pekerjaan yang halal – pengeluar bebas bersaing – untuk mendapat keuntungan – asalkan tidak menindas kepentingan orang lain – kerajaan mengawal kebebasan pengguna dan pengeluar melalui undang-undang dan peraturan 	<p>1 1 1 1 1 1 1 1</p> <p>[Maksimum: 5 markah]</p>						
1(c)	<p>Jadual permintaan</p> <table border="1" style="margin-left: auto; margin-right: auto;"> <thead> <tr> <th>Harga (RM)</th> <th>Kuantiti diminta (unit)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>10</td> <td>50</td> </tr> <tr> <td>20</td> <td>20</td> </tr> </tbody> </table> <p>Hukum permintaan ialah</p> <ul style="list-style-type: none"> – semakin tinggi harga sesuatu barang semakin kurang kuantiti diminta – apabila harga meningkat dari RM10 ke RM20 kuantiti diminta jatuh dari 50 unit ke 20 unit – semakin rendah harga sesuatu barang semakin banyak kuantiti diminta – apabila harga jatuh dari RM20 ke RM10 kuantiti diminta meningkat dari 20 unit ke 50 unit – hubungan antara harga dengan kuantiti diminta adalah negatif atau songsang 	Harga (RM)	Kuantiti diminta (unit)	10	50	20	20	<p>1 1 1 1 1</p> <p>[Maksimum: 5 markah]</p>
Harga (RM)	Kuantiti diminta (unit)							
10	50							
20	20							

Soalan	Isi	Markah
2(d)	<p>Konsep faedah sosial ialah</p> <ul style="list-style-type: none"> - faedah kepada pihak ketiga selain pengguna dan pengeluar - faedah sosial = faedah peribadi + faedah luaran - faedah peribadi ialah manfaat yang diperolehi oleh individu yang melakukan sesuatu aktiviti - contohnya, faedah peribadi apabila seseorang individu menunggang basikal ialah badan lebih sihat - faedah luaran ialah manfaat yang diperolehi oleh individu apabila orang lain melakukan sesuatu aktiviti - contohnya, faedah luaran apabila seseorang individu menunggang basikal ialah kadar pencemaran alam sekitar yang rendah 	<p>1 1 1 1 1 1 1</p> <p>[Maksimum: 5 markah]</p>
3(a)	<p>Kerajaan sebagai majikan menyediakan pelbagai faedah sampingan kepada penjawat awam seperti</p> <ul style="list-style-type: none"> - elaun perumahan dan elaun sara hidup (COLA) - imbuhan tetap khidmat awam - cuti tahunan mengikut kelayakan - kemudahan pinjaman perumahan dan kenderaan - pencen selepas bersara - cuti bersalin 	<p>1 1 1 1 1 1</p> <p>[Maksimum: 4 markah]</p>
3(b)	<p>Jenis-jenis perbelanjaan kerajaan ialah</p> <p>Perbelanjaan mengurus</p> <ul style="list-style-type: none"> - perbelanjaan semasa kerajaan yang berulang ulang pada setiap tahun - tujuan untuk membolehkan pengurusan dan pentadbiran harian kerajaan beroperasi dengan lancar dan berkesan - contohnya, emolumen atau bayaran khidmat hutang atau bekalan dan perkhidmatan atau pencen dan ganjaran atau pemberian dan serahan kepada kerajaan negeri atau pemberian subsidi atau biasiswa, dermasiswa dan bantuan kerajaan <p>Perbelanjaan pembangunan</p> <ul style="list-style-type: none"> - perbelanjaan pelaburan kerajaan dalam projek-projek pembangunan ekonomi negara - tujuan untuk meningkatkan pembentukan modal negara atau guna tenaga atau pendapatan negara - contohnya, membina bangunan sekolah atau membina infrastruktur ICT atau contoh lain yang sesuai 	<p>1 1 1 1 1 1 1 1</p> <p>[Maksimum: 6 markah]</p>
3(c)	<p>(i) (1) Nilai mesin dalam Ringgit Malaysia pada tahun 2017 ialah USD1 = RM4.50</p> $\frac{\text{USD}80\,000}{\text{USD}1} \times \text{RM}4.50 = \text{RM}360\,000$ <p>(2) Perbezaan keuntungan pada tahun 2018 berbanding 2017 ialah Nilai mesin pada tahun 2017 = RM360 000 Nilai mesin pada tahun 2018 USD1 = RM4.12</p> $\frac{\text{USD}80\,000}{\text{USD}1} \times \text{RM}4.12 = \text{RM}329\,600$	<p>[Maksimum: 2 markah]</p>

Soalan	Isi	Markah
3(d)	Keuntungan pada tahun 2017 $RM400\ 000 - RM360\ 000 = RM40\ 000$ Keuntungan pada tahun 2018 $RM400\ 000 - RM329\ 600 = RM70\ 400$ Maka perbezaan keuntungan tahun 2018 berbanding tahun 2017 $= RM70\ 400 - RM40\ 000 = RM30\ 400$	[Maksimum: 3 markah]
	(ii) Justifikasi berdasarkan jawapan 3(c)(i)(2) ialah <ul style="list-style-type: none"> - keuntungan meningkat - keuntungan sebanyak RM30 400 - nilai import rendah - nilai Ringgit Malaysia meningkat 	1 1 1 1 [Maksimum: 1 markah]
3(d)	(i) Arah aliran kadar pertukaran Ringgit Malaysia (RM) berbanding Dolar Singapura (SGD) ialah nilai RM semakin merosot berbanding SGD	1 [Maksimum: 1 markah]
	(ii) Kesan perubahan tersebut terhadap harga eksport dan import Malaysia ialah <ul style="list-style-type: none"> - nilai RM merosot berbanding SGD - harga eksport Malaysia jatuh - nilai eksport Malaysia meningkat - harga import dari Singapura meningkat - nilai import Malaysia berkurang - nilai eksport melebihi nilai import -imbangan dagangan menjadi positif 	1 1 1 1 1 1 1 1 [Maksimum: 3 markah]

Bahagian B

Soalan	Isi	Markah
4(a)	Ciri-ciri sistem ekonomi di atas ialah <ul style="list-style-type: none"> - sistem ekonomi campuran - individu dan pihak swasta bebas memiliki faktor pengeluaran - kerajaan mengawal pemilikan faktor melalui undang-undang dan peraturan - matlamat kerajaan untuk memaksimumkan kebajikan masyarakat - pengguna dan pengeluar bebas membuat keputusan ekonomi untuk menyelesaikan masalah asas ekonomi - kerajaan mengeluarkan barang awam - individu bebas membuat pilihan barangan yang ingin dibeli bagi memaksimumkan kepuasan - pengeluar bebas untuk mengeluarkan barang bagi memaksimumkan keuntungan - kerajaan akan memilih teknik pengeluaran yang memaksimumkan kebajikan masyarakat 	1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 [Maksimum: 5 markah]
4(b)	Kerajaan perlu melaksanakan projek-projek tersebut kerana <ul style="list-style-type: none"> - matlamat kerajaan ialah untuk memaksimumkan kebajikan rakyat - peranan kerajaan sebagai pengeluar barang awam - barang yang dapat digunakan oleh seseorang individu tanpa mengurangkan penggunaan individu lain - penggunaannya tidak dikenakan bayaran atau akan dikenakan bayaran paling minimum - pembinaan projek tersebut mewujudkan peluang pekerjaan 	1 1 1 1 1

Soalan	Isi	Markah
5(c)	<p>– Keseimbangan baharu tercapai apabila keluk permintaan D_1D_1 bersilang dengan keluk penawaran S_0S_0 pada titik E_1</p> <p>– Harga turun dari P_0 ke P_1</p> <p>– Kuantiti berkurangan dari Q_0 ke Q_1</p> <p>– Apabila berlaku pengurangan permintaan manakala penawaran tetap, harga keseimbangan dan kuantiti keseimbangan menurun</p> <p>Tindakan kerajaan menurunkan harga RON95, RON97 dan diesel memberi kesan kepada firma dan kerajaan.</p> <p>Kesan kepada firma ialah kos pengeluaran akan berkurang. Maka firma akan meningkatkan penawaran kerana harga faktor pengeluaran telah menurun. Barang dapat dijual dengan harga yang lebih murah. Ini akan meningkatkan permintaan dalam kalangan pengguna. Untuk mengelakkan berlakunya inflasi tarikan permintaan maka firma akan meningkatkan penawaran. Dengan itu firma akan mengambil lebih ramai pekerja maka kesannya kadar pengangguran akan menurun.</p> <p>Permintaan agregat bertambah mendorong peningkatan keuntungan firma. Oleh itu firma berkeupayaan untuk meningkatkan pelaburan bagi membuka lebih banyak peluang pekerjaan kepada masyarakat. Taraf hidup masyarakat bertambah baik. Keuntungan meningkat kesannya bayaran cukai pendapatan syarikat lebih tinggi.</p> <p>Kesan kepada kerajaan pula ialah hasil negara meningkat hasil dari kutipan cukai sama ada dari individu mahupun dari firma. Ia membantu kerajaan untuk membiayai projek pembangunan negara. Dengan itu wujudlah peluang pekerjaan dan meningkatkan taraf hidup masyarakat. Aktiviti ekonomi bertambah pesat dan berlakulah pertumbuhan ekonomi.</p>	<p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>[Maksimum: 7 markah]</p> <p>[Maksimum: 9 markah]</p>
6(a)	<p>Jenis pendapatan yang diterima ialah</p> <ul style="list-style-type: none"> – bayaran pindahan – ganjaran kepada faktor tidak produktif – pendapatan individu yang tidak memberi sumbangan dalam proses pengeluaran – tidak dikenakan cukai pendapatan – contoh lain, wang pencen yang diterima pesara kerajaan atau lain-lain yang relevan 	<p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>[Maksimum: 4 markah]</p>
6(b)	<p>Bantuan tersebut dapat meningkatkan taraf kehidupan mereka dengan cara</p> <ul style="list-style-type: none"> – mengurangkan kos sara hidup B40 – mengurangkan beban kewangan dan hutang – meningkatkan pendapatan dan kuasa beli – dapat memaksimumkan kepuasan – imej diri atau keluarga bertambah baik – boleh digunakan untuk modal perniagaan – mendapat untung 	<p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>[Maksimum: 7 markah]</p>
6(c)	<p>Kerajaan berpendapat bantuan tersebut perlu diteruskan kerana dapat membantu mengurangkan beban kewangan golongan B40, golongan berpendapatan bulanan kurang dari RM4 360. Pendapatan boleh guna golongan ini akan meningkat dan begitu juga dengan kuasa beli mereka. Sesuai dengan matlamat kerajaan, memaksimumkan kebajikan rakyat.</p> <p>Penerima bantuan BSH boleh meningkatkan tabungan. Mereka dapat menjana pendapatan melalui faedah yang diterima. Contohnya, memulakan perniagaan secara kecil-kecilan. Maka taraf hidup akan meningkat. Dengan itu, mereka dapat hidup dengan bahagia dan sejahtera. Seterusnya dapat meningkatkan produktiviti dalam negara.</p> <p>Bantuan Sara Hidup merupakan salah satu perbelanjaan mengurus kerajaan di mana ia telah diperuntukkan dalam belanjawan negara. Dengan itu, kerajaan dapat membantu rakyat khususnya golongan isi rumah berpendapatan rendah untuk meningkatkan taraf hidup mereka. Maka masalah sosial dapat dikurangkan dan kesannya imej negara bertambah baik.</p>	<p>[Maksimum: 9 markah]</p>

Soalan	Isi	Markah
7(a)	<p>(i) Jenis cukai yang berkaitan dengan Maklumat 1 ialah</p> <ul style="list-style-type: none"> - cukai tak langsung - beban cukainya boleh dipindahkan kepada pihak lain - kesannya harga barang akan meningkat - dikenakan atas barang dan perkhidmatan yang dikeluarkan oleh firma <p>(ii) Jenis cukai yang berkaitan dengan Maklumat 2 ialah</p> <ul style="list-style-type: none"> - cukai langsung - beban cukainya tidak boleh dipindahkan kepada pihak lain - dikenakan atas individu yang memperoleh sejumlah pendapatan tertentu - semakin tinggi pendapatan semakin tinggi cukai yang perlu dibayar 	<p>1 1 1 1</p> <p>[Maksimum: 2 markah]</p> <p>1 1 1 1</p> <p>[Maksimum: 2 markah]</p>
7(b)	<p>Kesan cukai barang dan perkhidmatan ke atas agihan pendapatan rakyat ialah beban yang lebih besar atas golongan berpendapatan rendah berbanding dengan golongan berpendapatan tinggi. Di mana cukai ini dinamakan cukai regresif, iaitu kadarnya semakin menurun apabila pendapatan bertambah dan sebaliknya.</p> <p>Merujuk kepada Maklumat 1, individu yang mempunyai jumlah pendapatan sebanyak RM10 000 kadar cukai yang perlu dibayar ialah 3.6%. Manakala individu yang mempunyai jumlah pendapatan sebanyak RM100 000 kadar cukai yang perlu dibayar hanyalah 0.36% sahaja.</p> <p>Individu yang berpendapatan rendah akan membayar cukai yang lebih tinggi, iaitu 3.6% daripada jumlah pendapatannya. Dengan itu hanya 96.4% (RM9 640) boleh digunakan untuk perbelanjaan yang lain seperti pengangkutan, rawatan dan pendidikan. Manakala bagi golongan yang berpendapatan tinggi cukai yang perlu dibayar hanyalah 0.36% dari jumlah pendapatannya. Dan golongan ini mempunyai 99.64% (RM99 640) untuk digunakan bagi perbelanjaan lain selain perbelanjaan makanan. Kesannya wujud jurang pendapatan yang besar antara golongan berpendapatan rendah dengan golongan berpendapatan tinggi.</p>	<p>[Maksimum: 9 markah]</p>
7(c)	<p><u>Setuju</u></p> <ul style="list-style-type: none"> - meningkatkan pendapatan boleh guna - kuasa beli meningkat - permintaan agregat meningkat - dapat memaksimumkan kepuasan - taraf hidup meningkat - hutang berkurang - tabungan meningkat - beban hutang berkurang <p style="text-align: center;"><i>atau</i></p> <p><u>Tidak Setuju</u></p> <ul style="list-style-type: none"> - pendapatan boleh guna berkurang - mengurangkan kuasa beli - permintaan agregat menurun - tabungan menurun - penawaran barang akan berkurangan - keuntungan firma berkurangan - pelaburan firma menurun - firma akan kurangkan pekerja - pengangguran meningkat 	<p>1 1 1 1 1 1 1 1</p> <p>1 1 1 1 1 1 1 1</p> <p>[Maksimum: 7 markah]</p>

KERTAS 1

1 **B**

Ulasan: Matlamat firma ialah memaksimumkan keuntungan atau meminimumkan kos pengeluaran.

2 **B**

Ulasan: Masalah asas yang telah diselesaikan ialah – apa yang hendak dikeluarkan – pakaian sukan – bagaimana hendak dikeluarkan – intensif buruh, iaitu menggunakan 20 orang pekerja

3 **B**

Ulasan:
– Sistem ekonomi yang dikawal sepenuhnya oleh pihak pemerintah ialah sistem ekonomi sosialis.
– Matlamat kerajaan ialah
• kebajikan rakyat diutamakan
• semua sumber-sumber dalam ekonomi serta penggunaannya ditentukan oleh kerajaan

4 **A**


Ulasan: Dalam sistem ekonomi perancangan pusat dan sistem ekonomi campuran kerajaan bermatlamat menjaga kebajikan rakyat. Disebabkan itu, kerajaan sentiasa mengawal harga barang keperluan.

5 **C**

Ulasan: Jika jangkaan harga masa depan meningkat ia akan menyebabkan permintaan pada masa sekarang meningkat walaupun harga tetap sama. Kesannya, keluk D_0D_0 beralih ke D_2D_2 dan titik permintaan akan beralih dari M ke R.


6 **D**

Ulasan: Keseimbangan pasaran berlaku apabila – kuantiti permintaan dan kuantiti penawaran adalah sama
– keluk permintaan bersilang dengan keluk penawaran



7 **A**

Ulasan: Walaupun harga tetap sama pada RM7.50, kuantiti diminta berkurang. Maksudnya, keluk beralih ke kiri dari D_0D_0 ke D_1D_1 .



8 **C**

Ulasan:
– Harga naik dari RM8 → RM10.
– Kuantiti kurang dari 6 unit → 4 unit.

$$-E_d = \frac{\Delta Q}{Q_0} \times \frac{P_0}{\Delta P}$$

$$= \frac{2}{6} \times \frac{8}{2} = 1.33$$

9 **C**

Ulasan:
– $E_d = \frac{\% \Delta Q_d}{\% \Delta P} \rightarrow E_d P = \frac{5}{10} = 0.5$

$$E_d Q = \frac{20}{5} = 4$$

– Bagi barang lebih anjal, pengeluar perlu menurunkan harga supaya jumlah hasil meningkat.

10 **D**

Ulasan:
 $E_s = \frac{\Delta Q}{Q_0} \times \frac{P_0}{\Delta P}$
 $2 = \frac{x - 22}{22} \times \frac{4}{3}$

$$2 \times \frac{3}{4} = \frac{x - 22}{22}$$

$$\frac{3}{2} = \frac{x - 22}{22}$$

$$\frac{3}{2} \times 22 = x - 22$$

$$33 = x - 22$$

$$33 + 22 = x$$

$$x = 55$$

11 **A**

Ulasan: Penawaran tidak anjal mempunyai
– keluk penawarannya berbentuk lebih curam
– $\% \Delta Q_s < \% \Delta P$
– $E_s < 1$ atau pekali keanjalan kurang daripada satu

12 **D**

Ulasan: Perintah sedia ada/arahan tetap ialah di mana pelanggan bank memberi arahan kepada bank supaya membuat bayaran berulang dengan jumlah yang sama banyak, pada tarikh yang sama. Contohnya, ansuran bulanan kereta, premium insurans dan sewa rumah.

13 C

Ulasan: Bai Bithaman Ajil ialah di mana Bank Islam membeli sesuatu aset tetap dan menjual semula kepada pelanggan yang menghendaki aset itu dengan untung margin.

- bank membeli rumah = RM120 000
- untung margin = RM30 000
- harga jualan = RM150 000

14 D

Ulasan: Sektor ketiga terdiri daripada pelbagai perkhidmatan yang dibekalkan dalam pasaran. Aktiviti pemasaran tergolong dalam sektor ketiga.

15 B

Ulasan:

- Faedah sampingan ialah kemudahan yang disediakan oleh majikan kepada pekerjanya. Contohnya, kerajaan menyediakan tempat tinggal kepada pegawai polis dan anggota tentera.
- Faedah sampingan hanya boleh dinikmati oleh pekerja semasa mereka berada dalam perkhidmatan.

16 A

Ulasan:

- Potongan-potongan wajib terdiri daripada caruman KWSP, cukai pendapatan, zakat dan PERKESO.
- Potongan-potongan wajib = zakat + KWSP + cukai pendapatan
= RM(150 + 200 + 55)
= RM405

17 B

Ulasan: Selepas mencatat semua perbelanjaan yang dilakukan dalam bulan itu → perlu menyusun perbelanjaan mengikut keutamaan. [Rujuk jawapan soalan 24 (2018)]

18 D

Ulasan:

- Menyumbangkan tenaga mental atau fizikal dalam proses pengeluaran (buruh → upah).
- Memberi hak penggunaan kepada orang lain (tanah → sewa).
- Sanggup menanggung perbelanjaan semasa, berpisah dengan wang tunai serta menanggung risiko (modal → faedah).
- Y (usahawan → ganjarannya → untung).

19 D

Ulasan: Kos tetap → contohnya, sewa bangunan, pembelian jentera, faedah atas pinjaman

- kos yang wujud walaupun keluaran sifar
- walaupun keluaran berubah kos tetap yang ditanggung oleh firma kekal sama
- wujud dalam pengeluaran jangka masa pendek sahaja

20 D

Ulasan:

$$\begin{aligned} \text{- Keluaran marginal} &= \frac{\Delta \text{Jumlah keluaran}}{\Delta \text{Buruh}} \\ &= \frac{7\,750 - 5\,000}{14 - 10} \\ &= \frac{2\,750}{4} = 687.5 \end{aligned}$$

21 B

Ulasan:

$$\begin{aligned} \text{- Jumlah kos} &= \text{Kos tetap} + \text{Kos berubah} \\ &= \text{RM}(80 + 170) \\ &= \text{RM}150 \\ \text{- Keluaran} &= \frac{\text{Jumlah kos}}{\text{Kos purata}} \\ &= \frac{\text{RM}250}{\text{RM}5} = 50 \text{ unit} \end{aligned}$$

22 A

Ulasan:

- Untung = Jumlah hasil - Jumlah kos
 - Jumlah hasil = Output × Harga
= 1 000 unit × RM15
= RM15 000
 - Jumlah kos = Output × Kos purata
= 1 000 unit × RM10.00
= RM10 000
 - Untung = RM15 000 - RM10 000
= RM5 000

23 A

Ulasan:

- 45 000 pekerja diberhentikan menunjukkan keadaan kemelesetan ekonomi.
- Cara mengatasi keadaan kemelesetan ekonomi ialah
 - menurunkan kadar cukai → meningkatkan pendapatan boleh guna dan seterusnya meningkat permintaan dalam pasaran dengan itu kemelesetan ekonomi dapat diatasi.
 - melonggarkan syarat sewa beli dapat meningkatkan permintaan barang-barang dalam pasaran dan kemelesetan ekonomi dipulihkan.

24 C

Ulasan:

- Perbelanjaan pembangunan kerajaan terdiri daripada
 - belanja ekonomi
 - belanja keselamatan
 - belanja sosial
 - belanja pentadbiran am
- Apabila kerajaan meningkatkan semua belanja pembangunan ini menambahkan peluang pekerjaan.

25 B

Ulasan:

- Cukai langsung - beban cukai tidak boleh dipindahkan kepada pihak ketiga dan kadar cukai

bersifat progresif (lagi tinggi pendapatan, lagi tinggi cukai yang dikenakan).

- Cukai tak langsung – cukai ini bersifat tetap. Beban cukai boleh dipindahkan kepada pihak ketiga.

26 C

Ulasan:

- Emolumen merupakan gaji kepada kakitangan kerajaan, merupakan perbelanjaan mengurus yang paling besar.
- Perkhidmatan ekonomi merupakan perbelanjaan pembangunan ke atas projek-projek pembangunan dalam ekonomi.

27 A

Ulasan:

- Kerajaan mengetatkan syarat-syarat sewa beli dan ini akan menyebabkan kuantiti wang dalam ekonomi berkurang seterusnya kuasa beli terhadap barang tahan lama berkurang.
- Syarat-syarat sewa beli diketatkan bermakna
 - deposit ditinggikan
 - pinjaman dikurangkan
 - kadar bunga atas pinjaman ditinggikan
 - tempoh pinjaman dipendekkan
 - ansuran bulanan meningkat
- Syarat-syarat sewa beli yang diketatkan mengurangkan permintaan dan seterusnya dapat mengatasi inflasi.

28 B

Ulasan: Kuota adalah satu jenis sekatan yang menghadkan kuantiti barang import dan membantu meningkatkan permintaan barang tempatan.

29 D

Ulasan: Perdagangan antarabangsa terdiri daripada

- eksport – menjual barang tempatan ke luar negara
- import – membeli barang dari luar negara
- entrepot – mengimport bahan mentah dari luar negara dan memprosesnya menjadi barang siap sebelum dieksport

30 D

Ulasan:

- Aqil dan Muqri bercuti di Krabi – menggunakan perkhidmatan di luar negara merupakan import tak nampak.
- Membeli koleksi cenderamata untuk keluarga di Malaysia dari Krabi merupakan import nampak.

31 A

Ulasan:

- Imbangan pembayaran bertambah baik berlaku apabila wang mengalir masuk ke dalam negara kita. Kemasukan pelancong Korea bertambah ke Malaysia boleh meningkatkan wang mengalir masuk dan dapat memperbaiki imbangan pembayaran.

32 A

Ulasan:

- Penggunaan perkhidmatan jurulatih bola sepak dari Jerman oleh pasukan Kelantan akan menyebabkan wang mengalir keluar dari Malaysia dan aliran wang keluar negara ini direkodkan.

33 A

Ulasan:

- Permintaan Ringgit Malaysia (RM) bergantung kepada eksport Malaysia. Jika eksport Malaysia meningkat, permintaan terhadap RM juga meningkat dan sebaliknya.
- Jika Singapura mengimport kelapa sawit dari Malaysia, kesannya permintaan RM oleh Singapura akan meningkat.

34 D

Ulasan:

- 2017 → USD1 = RM4.50
- 2018 → USD1 = RM4.12
- Perubahan kadar pertukaran antara Ringgit Malaysia (RM) dengan Dolar Amerika (USD) menunjukkan nilai RM meningkat pada tahun 2018.
- Kesan peningkatan nilai RM berbanding USD menyebabkan import dari US menjadi murah dan rakyat Malaysia dapat menikmati banyak barang keluaran Amerika Syarikat.

35 B

Ulasan:

- I Salah – Matlamat kerajaan membuat projek pembangunan ialah untuk meningkatkan kebajikan rakyat.
- II Betul – Mass Rapid Transit (MRT) dari Sungai Buloh ke Kajang, Selangor merupakan satu projek pembangunan.

36 C

Ulasan:

- I Betul – Harga meningkat → permintaan menurun ($P\uparrow - D\downarrow$).
- Harga menurun → permintaan meningkat ($P\downarrow - D\uparrow$).
- Hukum DD menunjukkan harga dan kuantiti diminta mempunyai hubungan songsang/negatif.
- II Betul – Keluk permintaan bercerun ke bawah dari kiri ke kanan menunjukkan hubungan songsang antara harga dengan kuantiti diminta.

37 B

Ulasan:

- I Salah – Overdraf merupakan pengeluaran sejumlah wang melebihi jumlah baki yang ada di dalam akaun semasa setakat had yang diluluskan.

II Betul – Overdraft merupakan pinjaman yang diberi kepada pemegang akaun semasa setakat had maksimum yang diluluskan oleh bank perdagangan.

38 B
Ulasan:

I Salah – Pulangan pelaburan tidak tetap, boleh untung ataupun rugi tetapi tabungan memberi faedah yang telah ditetapkan dan terjamin.

II Betul – Pelaburan boleh mengalami kerugian tetapi tabungan memberi pulangan tetap, iaitu faedah.

39 C
Ulasan:

I Betul – Perbelanjaan mengurus ialah peruntukan perbelanjaan semasa yang berulang-ulang pada setiap tahun untuk membayar kos pengurusan dan pentadbiran harian kerajaan.

II Betul – Perbelanjaan kerajaan terdiri daripada

- emolumen
- pencen dan ganjaran
- pemberian subsidi
- pemberian dan serahan kepada kerajaan negeri
- biasiswa, dermasiswa dan bantuan kerajaan
- bayaran khidmat hutang
- bekalan dan perkhidmatan

40 C
Ulasan:

I Betul – Jika eksport meningkat, ini bermakna permintaan terhadap Ringgit Malaysia oleh negara-negara asing meningkat.

II Betul – Peningkatan eksport menyebabkan permintaan Ringgit Malaysia akan meningkat dan nilai Ringgit Malaysia akan cenderung meningkat.

KERTAS 2

Bahagian A

Soalan	Isi	Markah
1(a)	Takrif ilmu ekonomi ialah <ul style="list-style-type: none"> – satu bidang sains sosial – mengkaji cara manusia – mengurus sumber ekonomi yang terhad – bagi memenuhi kehendak yang tidak terhad 	1 1 1 1 [Maksimum: 2 markah]
1(b)	<p><u>Setuju</u></p> <ul style="list-style-type: none"> – semua faktor pengeluaran dimiliki oleh kerajaan – keputusan ekonomi ditentukan oleh kerajaan – berlaku risiko kesilapan dalam pembuatan keputusan – individu tidak dibenarkan mengumpul kekayaan – individu tiada kebebasan memilih/individu tidak dapat mencapai kepuasan maksimum – kebajikan rakyat terjejas – tiada persaingan dalam kalangan firma – tiada inovasi keluaran/ciri keusahawanan terhad – ekonomi tidak dapat berkembang <p style="text-align: center;"><i>atau</i></p> <p><u>Tidak Setuju</u></p> <ul style="list-style-type: none"> – menyeimbangkan agihan pendapatan – mengecilkan jurang pendapatan masyarakat – mengutamakan pengeluaran barang awam dan kebajikan rakyat – peruntukan sumber untuk kebajikan masyarakat – mengelakkan eksploitasi pengguna – pengeluaran berskala besar – kos pengeluaran rendah – harga barangan murah 	1 [Maksimum: 6 markah]

Soalan	Isi	Markah
3(c)	<p>– harga import menjadi lebih murah – kuantiti import meningkat</p> <p>(i) Nilai eksport ke negara Amerika Syarikat ialah <u>Amerika (USD)</u> (RM40 × 200 000 helai) + (RM50 × 300 000 helai)/RM23 000 000 = $\frac{\text{RM23 000 000} \times \text{USD1.00}}{\text{RM4.24}} = \text{USD5 424 528.30}$</p> <p><u>Britain (£)</u> (RM55 × 500 000 helai)/RM27 500 000 = $\frac{\text{RM27 500 000} \times \text{£1.00}}{\text{RM5.37}} = \text{£5 121 042.83}$</p> <p>(ii) Nilai eksport ke negara Britain adalah lebih tinggi – RM27 500 000 Nilai eksport ke negara Amerika Syarikat lebih rendah – RM23 000 000 iaitu lebih sebanyak RM4 500 000 Kadar pertukaran RM dengan £ lebih tinggi – RM5.37 = £1 KPA RM dengan USD lebih rendah – RM4.24 = USD1</p>	<p>1 1 [Maksimum: 4 markah]</p> <p>[Maksimum: 6 markah]</p> <p>1 1 1 1 1 [Maksimum: 3 markah]</p>
4(a)	<p>Masalah ekonomi yang dihadapi oleh Johnny ialah – kekurangan faktor pengeluaran/sumber ekonomi – dia hanya mempunyai modal sebanyak RM350 000 – Johnny perlu membuat pilihan projek terbaik yang memaksimumkan keuntungan – maka akan wujud kos lepas, iaitu projek kedua terbaik yang terpaksa dilepaskan – contohnya, jika Johnny memilih mengusahakan ladang kelapa sawit maka kos lepas ialah ternakan lembu</p>	<p>1 1 1 1 1 1 [Maksimum: 5 markah]</p>
4(b)	<p>Projek pilihan Johnny memberi impak yang besar terhadap pasaran tempatan <u>Ladang Kelapa Sawit</u> Akan menyebabkan pengeluaran kelapa sawit semakin bertambah. Kesannya penawaran kelapa sawit akan meningkat seperti yang ditunjukkan dalam rajah di bawah.</p> <div data-bbox="449 1421 935 1734" data-label="Figure"> </div> <p>Berdasarkan rajah di atas, titik keseimbangan pasaran asal E_0 dicapai apabila keluk S_0S_0 bersilang dengan keluk D_0D_0 di mana harga keseimbangan ialah P_0 dan kuantiti keseimbangan ialah Q_0.</p>	

Apabila keluk penawaran beralih ke kanan, iaitu keluk S_1S_1 bersilang dengan keluk permintaan D_0D_0 , titik keseimbangan baharu dicapai pada E_1 pada tingkat harga keseimbangan baharu P_1 dan kuantiti keseimbangan baharu Q_1 . Ini menunjukkan berlakunya pertambahan penawaran, harga keseimbangan telah menurun dari P_0 ke P_1 dan kuantiti keseimbangan meningkat dari Q_0 ke Q_1 .

Ini akan mengakibatkan berlakunya pengurangan import barangan berasaskan kelapa sawit. Situasi ini akan memperbaiki imbang dagangan dan meningkatkan keluaran dalam negara kasar (KDNK) negara. Sudah tentu ia bukan sahaja dapat memastikan pengguna memaksimumkan kepuasan tetapi juga meningkatkan taraf hidup mereka dan mengurangkan kebergantungan negara terhadap barang import terutama minyak yang lain. Firma juga mampu memaksimumkan keuntungan serta berupaya menjalankan penyelidikan dan pembangunan produk bagi memastikan kualiti kelapa sawit pada tahap terbaik.


Walau bagaimanapun, kesan negatif yang mungkin dihadapi oleh Johnny ialah apabila bilangan pengeluar semakin bertambah maka akan wujud lebih penawaran kelapa sawit di pasaran. Situasi ini akan mendorong harga cenderung untuk turun.

atau

Ladang Ternakan Lembu

Akan menyebabkan pengeluaran lembu dalam pasaran bertambah.

Kesannya penawaran lembu akan meningkat seperti ditunjukkan dalam rajah di bawah.



Berdasarkan rajah di atas, titik keseimbangan pasaran asal E_0 dicapai apabila keluk S_0S_0 bersilang dengan keluk D_0D_0 di mana harga keseimbangan ialah P_0 dan kuantiti keseimbangan ialah Q_0 .

Apabila keluk penawaran beralih ke kanan, iaitu keluk S_1S_1 bersilang dengan keluk permintaan D_0D_0 , titik keseimbangan baharu dicapai pada E_1 pada tingkat harga keseimbangan baharu P_1 dan kuantiti keseimbangan baharu Q_1 . Ini menunjukkan berlakunya pertambahan kuantiti penawaran lembu dan harga keseimbangan telah menurun.

Permintaan masyarakat terhadap lembu tempatan meningkat berbanding dengan permintaan terhadap daging lembu import kerana secara relatifnya harga lembu tempatan lebih murah. Situasi ini akan membolehkan Johnny meningkatkan keuntungan menyebabkan Johnny boleh meningkatkan penyelidikan dan pembangunan keluaran daging lembu yang dihasilkan. Jika keperluan pasaran tempatan dapat dipenuhi dengan baik maka Johnny boleh meluaskan pasaran daging lembu dengan mengeksport ke luar negara. Situasi ini akan membantu memperbaiki imbang dagangan negara.

Namun begitu, kesan negatif yang mungkin dihadapi Johnny ialah jika bilangan pengeluar semakin bertambah maka akan wujud lebih penawaran daging lembu di pasaran dan ia akan mendorong harga daging lembu cenderung untuk turun.

[Maksimum:
9 markah]



4(c)

Jenis pelaburan yang boleh dilakukan oleh Johnny yang merupakan penghindar risiko ialah membeli hartanah, nilai hartanah akan sentiasa meningkat dan Johnny boleh mendapatkan keuntungan modal. Selain itu, Johnny boleh membeli unit amanah kerana beliau akan menerima keuntungan dalam bentuk dividen. Johnny juga boleh membeli logam berharga seperti emas kerana nilainya yang stabil.

[Maksimum:
6 markah]

Soalan	Isi	Markah
5(a)	<p>Kesan pengangguran terhadap sosial negara termasuklah peningkatan kadar kemiskinan kerana individu kehilangan kerja atau tidak mempunyai punca pendapatan. Ini menimbulkan masalah dalam rumah tangga sehingga berlaku pergaduhan akibat tekanan kewangan. Kadar jenayah juga cenderung untuk meningkat seperti kejadian ragut atas desakan hidup. Tahap kesihatan juga akan terjejas dan boleh menimbulkan pelbagai penyakit seperti kemurungan. Di samping itu, situasi ini juga boleh menyebabkan penganggur akan mula hilang keyakinan diri kerana kemahiran mereka tidak mengikut arus peredaran semasa.</p>	[Maksimum: 5 markah]
5(b)	<p>Di antara langkah dan peranan yang boleh diambil oleh kerajaan untuk mencapai guna tenaga penuh bagi mengatasi masalah pengangguran termasuklah dengan menyediakan serta mewujudkan lebih banyak pusat-pusat/institusi latihan kemahiran termasuklah dari peringkat sekolah dengan menekankan subjek-subjek teknik vokasional untuk melahirkan ramai tenaga kerja berkemahiran. Ini penting untuk mengoptimalkan penggunaan tenaga buruh tempatan maka dengan situasi itu negara dapat mengurangkan kebergantungan negara terhadap tenaga buruh asing.</p> <p>Kerajaan juga perlu menggerakkan lagi semua sektor ekonomi bagi membuka lebih banyak peluang pekerjaan kepada masyarakat. Kerajaan juga boleh memberikan bantuan kepada golongan yang ingin memulakan perniagaan dengan memberi pinjaman modal atau melonggarkan syarat pinjaman berkaitan serta menyediakan skim latihan kepada para usahawan.</p> <p>Usaha seperti ini sudah pasti akan membantu meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara seterusnya mengurangkan kadar pengangguran di Malaysia. Dalam masa yang sama taraf hidup masyarakat akan turut meningkat dan masalah sosial juga dapat dikurangkan.</p>	
5(c)	<p><u>Wajar</u></p> <p>Golongan belia hari ini adalah wajar ditawarkan aliran pendidikan kemahiran kerana ia merupakan keperluan industri masa kini. Dengan kemahiran yang dimiliki boleh membantu meningkatkan daya pengeluaran dan secara tidak langsung akan membantu kebolehpasaran belia yang memiliki kepelbagaian kemahiran.</p> <p>Oleh itu, ia akan mencipta peluang pekerjaan di mana pilihan kerjaya untuk belia adalah lebih meluas. Golongan belia mudah mendapat pekerjaan dengan kemahiran yang ada bagi memperoleh pendapatan tambahan seperti menjadi usahawan dengan memulakan perniagaan sebagai menyahut seruan kerajaan. Sudah tentu ini akan meningkatkan motivasi belia untuk dorongan agar lebih maju ke depan dengan membuat pelbagai kerja dengan lebih sistematik dan cemerlang. Situasi ini akan membantu meningkatkan pendapatan dan taraf hidup golongan belia.</p> <p style="text-align: center;"><i>atau</i></p> <p><u>Tidak Wajar</u></p> <p>Golongan belia hari ini adalah tidak wajar ditawarkan aliran pendidikan kemahiran. Ini kerana aliran yang dipelajari tidak digunakan di alam pekerjaan sebenar disebabkan tidak bersesuaian dengan peluang pekerjaan yang tersedia.</p> <p>Tambahan pula, kos pengajian bagi bidang kemahiran juga semakin meningkat dan situasi ini akan menyebabkan pinjaman akan bertambah dan sudah tentu akan mengakibatkan beban kewangan kepada golongan belia dan keluarga mereka. Belia juga terpaksa mengambil masa yang lebih lama untuk menambah kemahiran berbanding terus bekerja sebaik habis persekolahan. Masalah bertambah bagi golongan belia yang tidak berminat bidang kemahiran dan merasa terpaksa melakukan perkara itu akan memberi kesan negatif jangka panjang. Mereka akan kurang bermotivasi, tiada kepuasan bekerja dan sukar untuk mendapat pencapaian yang baik yang akan membawa kepada risiko kegagalan dalam kursus kemahiran diikuti mahupun kerjaya yang diceburi.</p>	[Maksimum: 9 markah]

Soalan	Isi	Markah
6(a)	<p>Jenis inflasi tersebut ialah inflasi diimport. Ia berlaku berpunca daripada keadaan kadar inflasi yang tinggi di negara pengeksport di mana harga faktor pengeluaran adalah tinggi mengakibatkan peningkatan dalam kos pengeluaran. Ia juga boleh disebabkan oleh kejatuhan nilai KPA Ringgit Malaysia di mana harga kubis bulat diimport meningkat di negara pengeksport. Di dalam negara sendiri, jika nilai RM menurun akan menyebabkan harga barang import meningkat secara berterusan kerana kos mengimport yang tinggi jadi ini akan mendorong kenaikan tingkat harga umum dalam negara.</p>	[Maksimum: 5 markah]
6(b)	<p>Kesan inflasi diimport kepada isi rumah ialah kos sara hidup semakin meningkat yang menyebabkan taraf hidup menurun. Perbelanjaan penggunaan isi rumah akan meningkat kerana upah benar telah merosot. Kuasa beli isi rumah menurun. Keadaan ini akan menyebabkan isi rumah beralih kepada barang pengganti, contohnya, kubis bulat import digantikan dengan kubis tempatan kerana harganya yang lebih murah.</p> <p>Isi rumah terpaksa melakukan kerja sampingan bagi menampung kehidupan dan tekanan hidup bertambah. Perbelanjaan terhadap barang kehendak terpaksa dikurangkan.</p>	
6(c)	<p><u>Setuju</u></p> <p>Saya bersetuju sekiranya kerajaan mengenakan sekatan perdagangan antarabangsa untuk mengatasi keadaan inflasi diimport.</p> <p>Sekatan perdagangan antarabangsa seperti tarif selain daripada boleh membantu mengurangkan penawaran barang import, ia merupakan sumber hasil kerajaan yang boleh meningkatkan pendapatan negara. Ini kerana cukai dikenakan ke atas kubis bulat atau barang import yang lain. Kesannya, harga barang import tersebut akan meningkat menyebabkan permintaan terhadap barang import akan menurun. Situasi ini akan mendorong pengguna mencari dan meningkatkan permintaan barang pengganti keluaran tempatan seperti kubis bulat Cameron Highlands. Hasil kerajaan yang diperoleh pula boleh digunakan sebagai bantuan subsidi kepada pengeluar kubis bulat tempatan bagi menjalankan penyelidikan dan pembangunan untuk meningkatkan produktiviti dan kualiti keluaran tempatan.</p> <p>Selain itu, kerajaan juga boleh mengenakan kuota sebagai sekatan perdagangan antarabangsa. Kuota akan menghadkan kuantiti kubis bulat dan barang import lain dalam pasaran tempatan. Oleh itu, penawaran kubis bulat dan barang import lain akan berkurang. Kesannya purata harga umum akan menjadi semakin terkawal dan stabil. Maka inflasi diimport dapat dikurangkan dalam negara.</p> <p style="text-align: center;"><i>atau</i></p> <p><u>Tidak Setuju</u></p> <p>Saya tidak bersetuju sekiranya kerajaan mengenakan sekatan perdagangan antarabangsa untuk mengatasi keadaan inflasi diimport.</p> <p>Situasi ini akan menyebabkan akan berlaku kekurangan penawaran kubis bulat atau barang import lain. Bekalan kubis bulat tempatan tidak dapat memenuhi keperluan tempatan. Situasi ini akan menyebabkan pilihan pengguna terhad. Secara relatifnya harga barang tempatan lebih murah menyebabkan permintaan untuk barang tempatan meningkat. Untuk mengelakkan tingkat harga umum barang tempatan meningkat, usaha bagi meningkatkan pengeluaran produk tempatan bagi menggantikan produk import perlu digiatkan. Ini adalah untuk memastikan tidak berlaku lebih permintaan yang akan menyebabkan harga cenderung meningkat.</p>	[Maksimum: 9 markah]

Soalan	Isi	Markah
7(a)	<p>Usaha sama dengan Syarikat Geely dapat meningkatkan penggunaan teknologi yang lebih canggih. Daya pengeluaran/produktiviti pengeluaran kereta tempatan akan meningkat. Maka berlaku pertambahan penawaran kereta seperti ditunjukkan pada rajah di bawah.</p>  <p>Sebelum usaha sama, keluk D_0D_0 bersilang dengan keluk S_0S_0 membentuk titik keseimbangan pada E_0 dengan harga keseimbangan P_0 dan kuantiti keseimbangan Q_0. Selepas usaha sama, tingkat teknologi meningkat menyebabkan pertambahan penawaran kereta tempatan ditunjukkan peralihan keluk S_0S_0 ke kanan ke S_1S_1 dan wujud lebih penawaran. Titik keseimbangan baharu dicapai pada titik E_1, dengan harga keseimbangan turun kepada P_1 dan kuantiti keseimbangan telah meningkat kepada Q_1.</p>	[Maksimum: 5 markah]
7(b)	<p>Usaha sama bersama Syarikat Geely akan mendorong aliran masuk modal dari negara China ke dalam negara. Situasi ini akan membawa sekali pemindaan teknologi yang akan meningkatkan produktiviti pengeluaran kereta tempatan serta pembukaan kilang-kilang baharu. Maka banyak peluang pekerjaan akan dapat diwujudkan kepada rakyat tempatan seperti juruteknik automotif. Banyak kegiatan ekonomi dapat dijalankan seperti pewujudan industri sampingan seperti pengeluaran komponen kereta.</p> <p>Ini akan mengurangkan kadar pengangguran seterusnya objektif makroekonomi guna tenaga penuh dapat dicapai.</p>	[Maksimum: 6 markah]
7(c)	<p><u>Setuju</u></p> <p>Saya bersetuju bahawa Syarikat Geely memberi lebih banyak kebaikan terhadap pengeluar tempatan. Ini kerana Geely membawa masuk modal dan pemindahan teknologi bersama mereka ke dalam negara. Keputusan itu dipinjamkan kepada Proton yang akan dapat meningkatkan pengeluaran kereta tempatan dengan kos yang lebih rendah. Maka situasi ini menyebabkan berlaku pertambahan permintaan terhadap kereta dan pengeluar perlu meningkatkan lagi pengeluaran kereta Proton untuk memenuhi permintaan. Hal ini dapat ditunjukkan dalam rajah berikut.</p> 	

Soalan	Isi	Markah
	<p>Kualiti kereta yang dihasilkan juga bertambah baik dan kemahiran pekerja tempatan juga meningkat. Oleh itu, hasil dan keuntungan firma akan meningkat. Keuntungan yang diperoleh itu boleh dilaburkan semula untuk kos penyelidikan dan pembangunan serta membuat pengeluaran dalam skala yang besar. Maka kebergantungan kepada firma luar negara juga dapat dikurangkan.</p> <p style="text-align: center;"><i>atau</i></p> <p><u>Tidak Setuju</u> Saya tidak bersetuju bahawa Syarikat Geely memberi lebih banyak kebaikan terhadap pengeluaran tempatan. Ini kerana Syarikat Geely memiliki aset dalam Proton melalui pegangan ekuiti maka semua jawatan tertinggi dimonopoli oleh mereka. Hal ini akan menyebabkan Proton tidak bebas membuat keputusan kerana semuanya perlu dibuat secara bersama dengan Geely. Kereta nasional juga semakin kehilangan identitinya.</p> <p>Tambahan pula, Proton akan terikat dengan kebergantungan kepada teknologi yang dibekalkan oleh Geely. Di samping itu akan wujud juga masalah komunikasi seperti budaya dan bahasa. Keuntungan pelaburan pula akan dialirkan keluar ke negara asal Geely, iaitu China.</p>	<p>[Maksimum: 9 markah]</p>

SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2021

KERTAS 1

- 1 **C**
Ulasan: Modal adalah alat-alat ciptaan manusia yang membantu memudahkan proses pengeluaran serta membantu meningkatkan produktiviti. Contohnya, mesin, peralatan, jentera bangunan serta wang yang digunakan untuk memulakan perniagaan. Jentera/ mesin boleh bergerak dari satu tempat ke tempat lain.

- 2 **D**
Ulasan:
 - Pergerakan dari satu titik ke satu titik sepanjang keluk KKP menggambarkan pilihan pengeluaran barang dalam ekonomi.
 - Pergerakan titik **M** ke **A** menunjukkan penambahan pengeluaran makanan sebanyak 2 tan metrik menyebabkan pengeluaran pakaian dikurangkan daripada 20 ribu helai pakaian kepada 16 ribu helai pakaian. Kos lepas menambah 2 tan metrik makanan ialah 4 ribu helai pakaian.

- 3 **C**
Ulasan: Masalah asas – bagaimana hendak dikeluarkan diselesaikan dengan cara kaedah pengeluaran yang paling cekap, iaitu intensif buruh atau intensif modal dan yang pentingnya kos pengeluaran haruslah minimum serta untung yang maksimum.

- 4 **A**
Ulasan: Dalam sistem ekonomi perancangan pusat semua barang yang dikeluarkan akan ditetapkan oleh kerajaan dan rakyat harus menggunakan barang-barang tersebut. Pilihan rakyat adalah terhad.

- 5 **D**
Ulasan: Peningkatan bantuan sara hidup merupakan bayaran pindahan yang membantu meningkatkan keupayaan belanja dan seterusnya permintaan terhadap barang-barang akan meningkat.

- 6 **D**
Ulasan: Peningkatan harga faktor pengeluaran akan meningkatkan kos pengeluaran firma. Kesan peningkatan kos pengeluaran akan menyebabkan keluk penawaran beralih ke kiri. Pemindahan keluk ke kiri berlaku walaupun harga barang tetap sama.

- 7 **A**
Ulasan: Peningkatan upah buruh akan menyebabkan kos pengeluaran firma meningkat. Kesan peningkatan kos pengeluaran menyebabkan keluk penawaran beralih ke kiri walaupun harga barang tetap.

- 8 **B**
Ulasan: Inovasi dalam pengeluaran merujuk kepada penemuan teknik/cara pengeluaran yang lebih baik. Kesannya, keluk penawaran beralih ke kanan. Akibatnya, keseimbangan berpindah dari titik E_0 ke E_1 dan harga barang menurun serta kuantiti keseimbangan meningkat.

9 D

Ulasan:

$$\begin{aligned} E_d &= \frac{\Delta Q}{Q_0} \times \frac{P_0}{\Delta P} \\ &= \frac{15}{20} \times \frac{6}{2} \\ &= 0.75 \times 3 \\ &= 2.25 \end{aligned}$$

10 B

Ulasan: Nilai keanjalan permintaan 1.5 menunjukkan **Barang B** lebih anjal dan contoh barang lebih anjal ialah barang-barang kilang. Jika nilai $E_d > 1$ ini bermakna keluk DD lebih landai dan kuantiti permintaan lebih responsif terhadap perubahan harga ($\% \Delta Q_d > \% \Delta P$).

11 C

Ulasan: Keluk permintaan pada Rajah 5 lebih landai bermakna nilai $E_d > 1$. Jika sesuatu barang lebih anjal bermakna peratus perubahan dalam kuantiti diminta lebih daripada peratus perubahan dalam harga barang ($\% \Delta Q_d > \% \Delta P$).

12 C

Ulasan:

- $E_d = \frac{\% \Delta Q_d}{\% \Delta P} = \frac{20}{30} = \frac{2}{3} = 0.67$
- $E_d < 1$ / keanjalan permintaan kurang daripada satu.
- Pengeluar perlu menaikkan harga barang kurang anjal supaya jumlah hasil meningkat.

13 D

Ulasan:

- Keluk penawaran adalah anjal/lebih anjal/lebih landai.
- Kuantiti berubah lebih besar daripada perubahan dalam harga barang.
- Biasanya, barangan kilang seperti kamera, berkeanjalan lebih daripada satu.

14 A

Ulasan:

- BNM mengawal inflasi dengan meningkat kadar bunga atas tabungan dan pinjaman.
- Peningkatan kadar bunga di bank perdagangan akan menyebabkan tabungan meningkat dan pinjaman rakyat dari bank berkurang.
- Penurunan pinjaman dan peningkatan tabungan akan mengurangkan bekalan wang dalam ekonomi dan dapat mengawal inflasi.

15 D

Ulasan: Adibah seorang ibu tunggal yang mempunyai empat orang anak menjalankan perniagaan batik secara dalam talian memberi masa kepada Adibah bersama anak-anaknya dan pada masa yang sama boleh mencari sumber pendapatan. Waktu bekerja yang fleksibel menyebabkan beliau memilih jenis kerja ini.

16 B

Ulasan:

- Mengusahakan perniagaan akan menerima untung daripada perniagaan itu.
- Menyewakan sebahagian daripada ruang restorannya kepada peniaga kosmetik akan memberi sewa kepada Amran.

17 B

Ulasan:

- Barang keperluan tidak dipengaruhi oleh saiz pendapatan walaupun saiz pendapatan yang berbeza-beza, barang keperluan yang digunakan adalah sama (pakaian/makanan/tempat tinggal).
- Kerajaan campur tangan dalam penentuan harga barang keperluan contohnya, harga gula dan minyak dikawal oleh kerajaan.

18 D

Ulasan: Input tetap boleh berubah menjadi input berubah dalam jangka panjang. Contohnya, saiz kilang boleh dibesarkan dan bilangan mesin boleh ditambah dalam jangka panjang.

19 A

Ulasan: Pengeluaran yang cekap akan berlaku apabila input tetap digabungkan dengan input berubah.

20 C

Ulasan:

- Jumlah Hasil = Harga \times Kuantiti = RM200 \times 50 = RM10 000
- Jumlah Kos = Kos Tetap + Kos Berubah
- Kos Berubah = Kos Berubah Purata \times Keluaran = RM20 \times 50 = RM 1 000
- Untung = Jumlah Hasil - Jumlah Kos = RM10 000 - (RM10 000 + 100) = RM8 900

21 D

Ulasan: Apabila Syarikat Bas Pancaran Kilat meletakkan bas-bas syarikat itu di sebidang tanah berhampiran kampung, maka kesesakan aliran lalu lintas di kampung tersebut menjadi semakin teruk. Ini merupakan eksternaliti negatif (kos sosial) yang berlaku di kampung itu.

22 B

Ulasan:

- Dasar fiskal mengembang merujuk kepada tindakan kerajaan menurunkan kadar cukai (cukai pendapatan individu dan cukai pendapatan syarikat) dan menambahkan perbelanjaan kerajaan.
- Kerajaan juga menambahkan pelaksanaan projek-projek mega dalam ekonomi dengan ini bekalan wang dalam negara bertambah.
- Peningkatan bekalan wang serta penurunan cukai akan meningkatkan permintaan agregat.

23 C

Ulasan:

- Menerusi undang-undang dan peraturan kerajaan mengamalkan dasar kawalan harga bagi barang penggunaan.
- Di bawah dasar kawalan harga pengeluar tidak dibenarkan menaikkan atau menurunkan harga bagi barang kawalan seperti gula, susu, garam, simen dan *klinker*, minyak masak, ayam, topeng muka dan racun serangga.
- Contoh undang-undang yang diperkenalkan oleh kerajaan ialah Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011.

24 B

Ulasan:

- Inflasi sederhana, iaitu kadar inflasi/kadar kenaikan harga antara 2% hingga 3% membantu meningkatkan daya saing firma.
- Kenaikan harga secara sederhana menggalakkan firma meningkatkan pengeluaran supaya keuntungan firma meningkat.
- Peningkatan untung menggalakkan pelaburan baharu oleh firma dan ini menyediakan peluang pekerjaan serta pertumbuhan ekonomi berlaku.

25 A

Ulasan:

- Rujuk ulasan bagi soalan 24.
- Inflasi sederhana → permintaan ↑ → keuntungan firma ↑ → pelaburan baharu firma ↑ → peluang pekerjaan ↑ → pengangguran ↓.

26 B

Ulasan:

- Dasar kewangan menguncup dilaksanakan oleh kerajaan mengurangkan bekalan wang dalam ekonomi oleh bank pusat (BNM).
- Motif kerajaan menjalankan dasar kewangan menguncup adalah untuk mengurangkan bekalan wang dalam ekonomi dan mengatasi inflasi dalam negara.
- Cara menjalankan dasar kewangan menguncup/ketat ialah
 - menjual surat jaminan kerajaan
 - menaikkan nisbah rizab berkanun
 - menaikkan nisbah rizab tunai

- menaikkan kadar bunga atas pinjaman dan tabungan
- mengetatkan syarat-syarat sewa beli

27 B

Ulasan:

- Dasar fiskal terdiri daripada dua (2) alat
 - perbelanjaan kerajaan
 - cukai
- Bagi mengatasi inflasi, kerajaan akan menaikkan cukai pendapatan individu/cukai syarikat.
- Kerajaan juga mengurangkan perbelanjaan kerajaan supaya aliran wang dalam ekonomi dikurangkan.
- Peningkatan cukai dan pengurangan perbelanjaan kerajaan dapat mengurangkan bekalan wang dan mengawal inflasi.

28 A

Ulasan:

- Berikut merupakan kepentingan perniagaan antarabangsa
 - memperoleh barang yang tidak dikeluarkan di dalam negara
 - meluaskan pasaran
 - menambah pendapatan negara
 - menggalakkan pemindahan teknologi
 - menikmati barang pada harga yang lebih rendah
 - meningkatkan kecekapan pengeluaran
 - menambahkan peluang pekerjaan/kadar pengangguran berkurang
 - menggalakkan kemasukan pelaburan asing
 - hubungan dua hala dengan negara lain meningkat

29 D

Ulasan:

- Produk yang diimport oleh sesebuah negara haruslah mematuhi peraturan yang ditetapkan oleh negara berkenaan.
- Sesuatu barang yang diimport jika melanggar dasar-dasar sesebuah negara maka barang itu tidak dibawa masuk ke negara berkenaan.

30 D

Ulasan:

- Dasar ekonomi terbuka menggalakkan firma asing masuk ke negara lain. Ini akan memberi kebaikan dari segi
 - meningkatkan peluang pekerjaan dalam negara
 - menggalakkan perkongsian pintar

31 B

Ulasan:

- Akaun semasa terdiri daripada tiga (3) bahagian
 - (i) Akaun dagangan
 - nilai eksport barang
 - nilai import barang
 - (ii) Akaun perkhidmatan
 - nilai eksport tak nampak
 - nilai import tak nampak

- (iii) Akaun pendapatan
 - akaun pendapatan primer
 - akaun pendapatan sekunder

32 C

Ulasan:

- Imbangan Akaun Semasa Malaysia ialah
 = Akaun Barang - (Akaun perkhidmatan -
 pendapatan primer - pendapatan sekunder)
 = RM116 167 - (19 825 - 50 186 - 18 150) juta
 = RM28 006 juta
- Nilai akaun semasa yang positif sebanyak RM28 006 juta menyebabkan kadar pertukaran RM cenderung untuk meningkat
- Wang alir masuk ke Malaysia lebih daripada wang mengalir keluar

33 A

Ulasan:

- Eksport Malaysia akan mempengaruhi permintaan RM.
- Negara asing yang membeli barangan Malaysia perlu mempunyai mata wang RM untuk membayar pengeksport Malaysia.
- Syarikat dari Jepun yang mengimport minyak sawit daripada Felda Plantation harus meminta RM supaya dapat membayar pengeksport Malaysia.

34 C

Ulasan:

- I Betul - Keluk permintaan merujuk kepada kuantiti sesuatu barang atau perkhidmatan yang diminta oleh individu pada suatu tingkat harga dalam tempoh masa tertentu.
- II Betul - Keluk permintaan bercerun ke bawah dari kiri ke kanan menunjukkan hubungan songsang antara harga dengan kuantiti diminta.

35 A

Ulasan:

- I Betul - Pendapatan boleh guna diperoleh apabila potongan-potongan wajib ditolak daripada pendapatan individu.
- Pendapatan boleh guna digunakan untuk membeli barang tahan lama (rumah), barang tidak tahan lama (makanan), belanja atas perkhidmatan (elektrik) dan bakinya ditabung.
- II Salah - Barang tahan lama biasanya berharga mahal dan melibatkan perbelanjaan besar (contohnya, kereta yang melibatkan belanja besar/mahal).

36 B

Ulasan:

- I Betul - Salah satu kelebihan pembelian secara kredit adalah di mana pembeli perlu merancang perbelanjaan terlebih dahulu sebelum membuat pembelian secara kredit.

- II Salah - Pembelian barang tahan lama secara tunai akan menyebabkan pembeli sukar mendapatkan perkhidmatan selepas jualan. Jika pengguna membeli barang secara kredit, pihak penjual/syarikat penjual akan memberi perkhidmatan selepas jualan kerana ansuran bulanan belum habis dibayar. Jika tidak mendapat perkhidmatan, pembeli akan marah dan enggan membayar ansuran bulanan.

37 A

Ulasan:

- I Betul - Pengeluaran adalah proses menggabungkan input pengeluaran oleh firma untuk menghasilkan barang dan perkhidmatan. Pengeluaran juga ditakrifkan sebagai proses perubahan bentuk input kepada output.
- II Salah - Pengeluaran menggabungkan pelbagai input tetap (jentera) dengan input berubah (buruh/bahan mentah) untuk menghasilkan barang dan perkhidmatan.

38 C

Ulasan:

- I Betul - Produktiviti atau daya pengeluaran adalah keupayaan untuk menambahkan output daripada sejumlah input tertentu.
- II Betul - Penggunaan teknologi moden menyebabkan perubahan teknik pengeluaran firma menjadi semakin cekap. Penggunaan peralatan dan mesin yang moden menyumbang kepada peningkatan produktiviti.

39 C

Ulasan:

- I Betul - Eksternaliti negatif atau kos sosial ialah keburukan yang ditanggung oleh pihak ketiga tanpa bayaran ganti rugi.
- II Betul - Pembuangan toksik (minyak/racun) dalam sungai boleh menyebabkan berlakunya pencemaran air sungai dan membawa kos sosial (keburukan) kepada masyarakat.

40 C

Ulasan:

- I Betul - Tarif ad valorem dikenakan mengikut nilai barang yang diimport. Contohnya, kerajaan mengenakan tarif ad valorem sebanyak 20% ke atas alat permainan yang diimport. Pengimportan alat permainan yang bernilai RM300 satu set akan dikenakan cukai ad valorem sebanyak RM60 satu set (20% × RM300).
- II Betul - Pihak Kastam Diraja Malaysia mengenakan cukai ad valorem terhadap nilai barangan import.

Soalan	Isi	Markah
1(d)	<p>Perbezaan keanjalan harga permintaan bagi kedua-dua barang tersebut ialah</p> <p><u>Beras</u></p> <ul style="list-style-type: none"> - barang keperluan/barang mesti - keanjalan permintaan kurang daripada satu - $E_d < 1$ atau $0 < E_d < 1$ - kuantiti permintaan kurang responsif terhadap perubahan harga - $\% \Delta Q_d < \% \Delta P$ - keluk permintaan curam - pengeluar perlu menaikkan harga untuk meningkatkan hasil - jika harga naik 1%, kesannya kuantiti turun kurang daripada 1% <p><u>Gelang Emas</u></p> <ul style="list-style-type: none"> - barang kehendak/barang mewah - keanjalan permintaan lebih daripada satu - $E_d > 1$ atau $0 < E_d < 1$ - Kuantiti permintaan lebih responsif terhadap perubahan harga - $\% \Delta Q_d > \% \Delta P$ - keluk permintaan landai - pengeluar perlu menurunkan harga untuk meningkatkan hasil - jika harga naik 1%, kesannya kuantiti turun lebih daripada 1% 	<p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>[Maksimum: 6 markah]</p>
2(a)	<p>(i) Jenis akaun yang sesuai untuk keperluan Alya ialah akaun tabungan/simpanan.</p> <p>(ii) Kemudahan yang diperoleh daripada jenis akaun tersebut ialah</p> <ul style="list-style-type: none"> - pendeposit boleh mengeluarkan atau menandatangani wang pada bila-bila masa - pendeposit menerima faedah atau dividen - boleh mengeluarkan wang menggunakan kad juruwang elektronik (ATM) atau kad debit/boleh melakukan pengeluaran wang pada bila-bila masa - pendeposit boleh menandatangani wang menggunakan mesin deposit tunai - pendeposit menikmati kemudahan perbankan Internet (<i>online banking</i>) - pemindahan wang antara bank - pembayaran bil/bayaran ansuran bulanan - pembayaran arahan tetap/perintah sedia ada (ansuran pinjaman kereta) - pembayaran pindahan kredit (pembayaran gaji kepada pekerja oleh majikan) - pembayaran debit langsung (membayar bil-bil kepada pembekal) 	<p>1</p> <p>[Maksimum: 1 markah]</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>[Maksimum: 4 markah]</p>
2(b)	<p>Jenis pendapatan bagi individu yang bekerja sendiri ialah</p> <ul style="list-style-type: none"> - individu yang bekerja sendiri ialah usahawan - individu yang bekerja sendiri menggabungkan atau menyelaraskan faktor pengeluaran dalam menghasilkan barang dan perkhidmatan - ganjaran yang diterima oleh usahawan ialah untung - untung = Jumlah Hasil - Jumlah Kos (apabila Jumlah Hasil > Jumlah Kos) - individu yang bekerja sendiri menghadapi risiko/sanggup menanggung risiko - usahawan haruslah inovasi/kreatif/tidak putus asa - usahawan perlu berusaha untuk meminimumkan kos demi untung maksimum - untung kepada usahawan ialah pendapatan produktif - pendapatan berubah-ubah/tidak tetap - cukai dikenakan sekiranya untung melebihi tahap tertentu 	<p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>[Maksimum: 4 markah]</p>

Soalan	Isi	Markah
3(a)	<p>Kerajaan perlu melaksanakan projek tersebut kerana</p> <ul style="list-style-type: none"> - pengeluaran barang awam oleh kerajaan menjadi tanggungjawab - barang awam dikeluarkan untuk meningkatkan kebajikan rakyat maka ia perlu dikeluarkan oleh kerajaan - barang awam ditawarkan secara percuma - hospital/penyediaan rawatan membantu menurunkan kos sara hidup rakyat - penyediaan barang awam membantu meningkatkan peluang pekerjaan bagi rakyat - barang awam dibekalkan kepada semua orang tanpa pilih kasih/tiada pengecualian maka ia haruslah disediakan oleh kerajaan - kos menyediakan barang awam adalah mahal tetapi ia ditawarkan secara percuma/ bayaran minimum - pihak swasta tidak mampu menyediakan barang awam - barang awam disediakan melalui pungutan cukai/hasil cukai - kerajaan menjadi pengeluar barang awam dan barang sosial yang lengkap supaya setanding dengan negara maju 	<p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>[Maksimum: 5 markah]</p>
3(b)	<p>Pencapaian pertumbuhan ekonomi yang mampan kepada negara adalah penting kerana</p> <ul style="list-style-type: none"> - pertumbuhan ekonomi ialah peningkatan pendapatan negara benar atau keluaran negara dalam sebuah negara pada suatu tahun berbanding dengan tahun sebelumnya - pertumbuhan ekonomi negara yang tinggi - peningkatan/penambahan peluang pekerjaan dalam negara - berlaku pertambahan dalam pendapatan negara (KDNK) - pertumbuhan peluang pekerjaan/pengangguran menurun/produktiviti meningkat - eksport negara meningkat/nilai imbalan pembayaran meningkat/nilai RM naik - pertambahan dalam guna tenaga/pelaburan asing bertambah - pertambahan kuasa beli dan permintaan agregat - taraf hidup masyarakat meningkat, akibat pertambahan pendapatan per kapita/keupayaan perbelanjaan rakyat meningkat - kadar kemiskinan dalam negara menurun/imej negara naik - pertumbuhan ekonomi yang mampan penting untuk mendapatkan gelaran negara maju 	<p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>[Maksimum: 5 markah]</p>
3(c)	<p>Kerajaan Malaysia memberi perlindungan kepada industri muda tempatan kerana</p> <ul style="list-style-type: none"> - firma tempatan dapat menghadapi persaingan daripada barang-barang dari luar negara - firma tempatan menggunakan kesempatan ini (sekatan import) untuk menjalankan penyelidikan dan pembangunan untuk mengeluarkan produk baharu yang lebih berkualiti serta meningkatkan daya saingnya/meningkatkan eksport Malaysia/ meningkatkan aliran wang masuk dan memperbaiki imbalan pembayaran Malaysia - sekatan perdagangan menambahkan permintaan terhadap barang tempatan dan mengurangkan pergantungan kepada barang import - sekatan perdagangan antarabangsa membantu meningkatkan perkembangan kapasiti produktif industri dalam negara (eksport ↑) - peningkatan kapasiti pengeluaran oleh firma tempatan dapat mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan - subsidi diberi oleh kerajaan kepada firma tempatan dapat meningkatkan eksport/ meningkatkan kajian dan penyelidikan (R&D) - peningkatan eksport akan menyebabkan aliran wang masuk dan dapat memperbaiki imbalan pembayaran. Pengenaan cukai import (tarif) mengurangkan permintaan barang import - tarif yang dikenakan terhadap barangan import demi melindungi firma tempatan akan menjadi hasil kepada kerajaan. Hasil cukai ini digunakan untuk memajukan negara 	<p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p>

Soalan	Isi	Markah
3(d)	– pemberian subsidi kepada firma tempatan akan menyebabkan keluaran tempatan menjadi murah dan eksport meningkat/pengeluaran dan permintaan barang tempatan meningkat	1
	– permintaan terhadap keluaran tempatan meningkat juga merupakan satu lagi motif kerajaan memberi perlindungan kepada keluaran industri muda tempatan/permintaan barang import berkurang disebabkan secara relatif barangan tempatan lebih murah daripada barang import	1
	– eksport yang meningkat membantu memperbaiki imbalan pembayaran serta meningkatkan nilai RM	1
		[Maksimum: 5 markah]
	(i) Nilai RM berbanding USD1 pada 26 April 2021 ialah	
	– USD1 = RM4.10	1
	– untuk mendapat USD1, orang Malaysia perlu membayar RM4.10	1
		[Maksimum: 1 markah]
	(ii) Kesan perubahan kadar pertukaran pada 28 Apr kepada 30 Apr terhadap eksport dan import Malaysia ialah	
	– 28 Apr 2021: USD1 = RM4.08	
– 30 Apr 2021: USD1 = RM4.10		
– nilai RM telah menurun pada 30 Apr 2021, ini menyebabkan		
• harga import dari AS menjadi mahal	1	
• kuantiti import dari AS akan berkurang	1	
• harga eksport ke AS menjadi murah	1	
• kuantiti eksport ke AS akan meningkat	1	
• jumlah eksport dari Malaysia melebihi jumlah import Malaysia dari AS	1	
• jumlah wang yang mengalir masuk melebihi jumlah wang yang mengalir keluar dari Malaysia	1	
• imbalan pembayaran menjadi positif/lebih	1	
	[Maksimum: 4 markah]	

Bahagian B

Soalan	Isi	Markah
4(a)	Sebab berlakunya peningkatan jualan kereta X70 ialah	
	– ia merupakan model kereta Proton yang telah memenangi pengiktirafan berprestij dari Anugerah Kereta Tahunan Malaysia	1
	– kereta ini dibuat dengan inovasi teknologi yang moden	1
	– mudah untuk mendapatkan pinjaman sewa beli kepada pembeli yang layak (pendapatan rakyat tinggi dan stabil)	1
	– kereta X70 mampu bersaing dengan kereta-kereta import, akibatnya jualan bertambah/Proton ingin menguasai pasaran tempatan	1
	– mungkin subsidi yang diberi oleh kerajaan kepada pembeli kereta tempatan menjadikan jualan meningkat	1
	– kelonggaran dan syarat-syarat sewa beli di negara kita mungkin menyebabkan salah satu sebab peningkatan jualan kereta X70	1
	– cita rasa pengguna meningkat terhadap kereta X70 menyebabkan jualan kereta tersebut meningkat	1
	– jangkaan harga masa depan bagi kereta X70 mungkin akan meningkat, akibatnya permintaan dan jualan kereta tersebut bertambah	1
	– harga barang lain – harga barang pengganti bagi kereta X70 yang terlalu tinggi menyebabkan peningkatan jualan kereta tersebut	1

Soalan	Isi	Markah
5(c)	<ul style="list-style-type: none"> - memperkenalkan kedai harga berpatutan supaya orang ramai dapat membeli barang keperluan dengan harga yang stabil - kerajaan memberi bantuan kewangan kepada rakyat supaya keupayaan membeli barang keperluan meningkat. Contohnya, bantuan yang diberi oleh kerajaan ialah Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) - kerajaan boleh mengimport barang keperluan yang kurang dalam pasaran - cukai import terhadap barang keperluan perlu dikurangkan supaya harga menjadi murah - kerajaan perlu memberi subsidi kepada pengeluar untuk menurunkan kos pengeluaran - kerajaan mengeluarkan barang keperluan melalui agensi-agensi kerajaan supaya dapat membekalkan kepada rakyat dengan harga berpatutan - BERNAS (Padiberas Nasional Berhad) – membeli padi daripada petani dengan harga terjamin dan menjual semula kepada rakyat - kerajaan perlu memberitahu kepada rakyat bahawa stok barang keperluan cukup dalam pasaran dan tidak perlu terburu-buru membelinya 	<p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>[Maksimum: 6 markah]</p>
	<p><u>Setuju</u></p> <ul style="list-style-type: none"> - pengguna takut bekalan habis di pasar raya/pasaran, akibatnya ahli keluarga tidak dapat keperluan asas (makanan) - sebagai ketua keluarga (ayah/ibu) perlu memastikan anak-anak mendapat makanan serta keperluan asas tidak terganggu - risau harga barangan semakin meningkat pada masa akan datang maka pengguna membeli stok yang banyak - tidak perlu keluar rumah dengan kerap maka membeli stok dengan banyak dapat mengelakkan diri daripada jangkitan COVID-19 - kadangkala membeli dalam kuantiti banyak daripada pendorong boleh mendapatkan harga murah dan menjimatkan - terdapat juga barangan dapur yang tahan lama maka membeli sekali gus dan menyimpan untuk tempoh panjang - kadangkala ada ibu bapa yang mampu membeli kuantiti barang dapur dengan banyak kerana mereka mempunyai tabungan yang cukup untuk berbelanja - barangan dapur yang dibeli kebiasaannya tidak mahal dan ia tidak memberi masalah kekurangan wang kepada yang merancang belanjawan bulanan/belanjawan peribadi - jika berbelanja berlebihan pada satu bulan tertentu maka mereka akan mengubah suai belanja pada bulan berikut. 	<p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p>
	<p>atau</p>	
	<p><u>Tidak Setuju</u></p> <ul style="list-style-type: none"> - peningkatan permintaan yang semakin meningkat semasa PKP menyebabkan wujudnya lebih permintaan dan harga barang keperluan semakin meningkat - keadaan ini dapat digambarkan dengan rajah keseimbangan pasaran 	<p>1</p> <p>1</p>
	<p>The graph shows a coordinate system with 'Harga (RM)' on the vertical axis and 'Kuantiti (unit)' on the horizontal axis. An upward-sloping supply curve S_0 and two downward-sloping demand curves D_0 and D_1 are plotted. D_1 is to the right of D_0, indicating an increase in demand. The initial equilibrium E_0 is at the intersection of S_0 and D_0, with price P_0 and quantity Q_0. The new equilibrium E_1 is at the intersection of S_0 and D_1, with a higher price P_1 and a higher quantity Q_1. Dashed lines connect the equilibrium points to their respective price and quantity values on the axes. Arrows indicate the shift from D_0 to D_1 and the resulting changes in price and quantity.</p>	

KERTAS 1

1 **C**

Ulasan: Firma memilih keluaran/output yang memberi keuntungan maksimum dan kos pengeluaran yang minimum.

2 **D**

Ulasan: Usahawan merupakan individu menggabungkan dan menyelaraskan faktor pengeluaran seperti buruh, tanah dan modal untuk menghasilkan barang dan perkhidmatan. Usahawan mempunyai ciri-ciri kreatif, inovatif dan berani mengambil risiko.

3 **B**

Ulasan: Syarikat Qandizz Jaya membekalkan kasut keselamatan pekerja merujuk kepada apa yang hendak dikeluarkan dan Syarikat Qandizz Jaya menggunakan 10 orang pekerja tempatan merujuk kepada bagaimana hendak dikeluarkan.

4 **D**

Ulasan: R merujuk persamaan antara Sistem Ekonomi Campuran dan Sistem Ekonomi Perancangan Pusat, iaitu kerajaan berperanan untuk mengawal harga barang keperluan bagi memaksimumkan kebajikan masyarakat.

5 **B**

Ulasan: Dalam sistem ekonomi kapitalis, firma menggunakan teknik pengeluaran yang paling cekap sama ada intensif buruh atau intensif modal yang memberi keuntungan maksimum dan kos pengeluaran paling minimum.

6 **C**


Ulasan: **Barang S** dan **Barang T** merupakan barang pengganti, iaitu suatu barang yang boleh diganti dengan mudah oleh barang lain dan mempunyai kepuasan yang sama dari segi penggunaannya.

7 **C**

Ulasan: Lebih permintaan merujuk keadaan apabila kuantiti diminta melebihi kuantiti ditawarkan dalam pasaran pada suatu tingkat harga tertentu. Kesannya harga akan cenderung meningkat.

8 **C**

Ulasan: Cita rasa pengguna terhadap komputer riba terpakai meningkat berikutan sesi pembelajaran dalam talian.



9 **A**

Ulasan: Barang W ialah barang anjal kerana peningkatan harga barang menyebabkan penurunan dalam jumlah hasil. Perubahan kuantiti diminta barang W lebih responsif terhadap perubahan harga.

10 **D**

$$E_s = \frac{\text{Peratus perubahan kuantiti ditawarkan}}{\text{Peratus perubahan harga}}$$

$$= \frac{\frac{20 \text{ unit} - 8 \text{ unit}}{8 \text{ unit}}}{\frac{\text{RM4} - \text{RM2}}{\text{RM2}}}$$

$$= \frac{1.5}{1}$$

$$= 1.50$$

11 **D**

Ulasan: Barang X merupakan barang anjal, iaitu barang mewah dan beban cukai yang ditanggung oleh pengeluar lebih besar daripada pengguna kerana pengeluar sukar memindahkan beban cukai kepada pengguna dengan cara menaikkan harga barang X.

12 **A**

Ulasan: Perintah sedia ada merupakan arahan daripada pemegang akaun tabungan atau akaun semasa kepada bank untuk membuat bayaran tetap dan berulang pada tarikh yang telah ditetapkan.

13 **A**

Ulasan: Faedah dibayar kerana individu sanggup menanggungkan perbelanjaan semasa, berpisah dengan wang tunai serta menanggung risiko kejatuhan nilai wang.

14 **A**

Ulasan: Pembayaran premium insurans nyawa dan pembelian mesin pengering baju merupakan perbelanjaan penggunaan individu manakala zakat pendapatan dan caruman KWSP merupakan potongan wajib.

15 B

Ulasan: Kelebihan bayaran tunai ialah harga lebih murah kerana tidak melibatkan kadar faedah dan pengguna dapat menikmati diskaun tunai.

16 B

Ulasan: Fungsi pengeluaran jangka pendek menunjukkan hubungan antara input berubah dengan output pada suatu tingkat input tetap yang diberikan.

17 D

Ulasan:

$$\begin{aligned}\text{Kos purata} &= \frac{\text{Jumlah kos}}{\text{Jumlah output/keluaran}} \\ &= \frac{\text{Kos tetap} + \text{Kos berubah}}{\text{Jumlah output/keluaran}} \\ &= \frac{\text{RM100} + \text{RM40}}{20 \text{ unit}} \\ &= \text{RM7.00}\end{aligned}$$

18 A

Ulasan:

$$\begin{aligned}\text{Untung} &= \text{Jumlah hasil} - \text{Jumlah kos} \\ &= (\text{Harga seunit} \times \text{Kuantiti jualan}) - \\ &\quad (\text{Kos tetap} + \text{Kos berubah}) \\ &= (\text{RM25} \times 2\,000 \text{ unit}) - \\ &\quad (\text{RM12\,000} + \text{RM5\,000}) \\ &= \text{RM50\,000} - \text{RM17\,000} \\ &= \text{RM33\,000}\end{aligned}$$

19 D

Ulasan: Faktor peningkatan produktiviti ialah struktur organisasi, iaitu sebuah organisasi akan dibahagikan kepada beberapa bahagian supaya masing-masing mempunyai tanggungjawab dan skop kerja sendiri serta pengkhususan dalam unit masing-masing dapat meningkatkan produktiviti. Bagi memastikan kelengkapan modal sentiasa berfungsi baik, penyelenggaraan dan pemeriksaan harus dijalankan dari semasa ke semasa.

20 D

Ulasan: Kos sosial ialah kos yang ditanggung oleh pengeluar dan ditambah kos lain yang dibayar oleh masyarakat. Kos sosial = Kos peribadi + Kos luaran.

21 A

Ulasan: Peranan kerajaan untuk mencapai objektif makroekonomi negara, iaitu guna tenaga penuh, kestabilan harga, pertumbuhan ekonomi dan kestabilan imbangan pembayaran. Kerajaan juga berperanan dalam mengawal selia pengeluar dan eksternaliti negatif.

22 C

Ulasan: Eksternaliti negatif ialah kos luaran yang ditanggung oleh masyarakat seperti pencemaran, menjejaskan kehidupan, kesihatan dan taraf hidup masyarakat.

23 A

Ulasan: Kerajaan melaksanakan dasar kewangan mengembang bagi mengatasi kemelesetan ekonomi dan pengangguran dengan mengurangkan kadar rizab tunai, mengurangkan kadar rizab berkanun, mengurangkan kadar faedah pinjaman, membeli surat jaminan kerajaan dan melonggarkan syarat sewa beli. Kerajaan juga melaksanakan dasar fiskal mengembang bagi mengatasi kemelesetan ekonomi dan pengangguran dengan menurunkan kadar cukai dan meningkatkan perbelanjaan kerajaan.

24 B

Ulasan: Dasar fiskal menguncup digunakan semasa ekonomi mengalami inflasi dan bertujuan mengurangkan permintaan agregat melalui peningkatan kadar cukai dan pengurangan perbelanjaan kerajaan. Dasar fiskal mengembang digunakan semasa ekonomi mengalami kemelesetan dan menghadapi masalah pengangguran serta bertujuan meningkatkan permintaan agregat melalui pengurangan kadar cukai dan pertambahan perbelanjaan kerajaan.

25 B

Ulasan: Beban cukai langsung tidak boleh dipindahkan kepada pihak lain seperti cukai pendapatan individu, cukai pendapatan syarikat, cukai pendapatan koperasi, cukai pendapatan petroleum, cukai keuntungan hartanah, duti setem, cukai tanah dan cukai pintu. Beban cukai tak langsung boleh dipindahkan kepada pihak lain seperti duti eksais, duti import, duti eksport, cukai barang dan perkhidmatan, cukai perjudian dan levi.

26 A

Ulasan: Perbelanjaan mengurus ialah perbelanjaan semasa kerajaan yang berulang pada setiap tahun bagi membolehkan pengurusan dan pentadbiran harian kerajaan beroperasi dengan lancar. Contohnya, perbelanjaan mengurus ialah bayaran emolumen, bayaran khidmat hutang negara, pencen dan ganjaran, bekalan dan perkhidmatan, pemberian subsidi serta biasiswa, dermasiswa dan bantuan kerajaan. Perbelanjaan pembangunan ialah perbelanjaan pelaburan kerajaan ke atas projek pembangunan sosial ekonomi negara bagi meningkatkan pembentukan modal negara. Contohnya, perbelanjaan pembangunan ialah perbelanjaan sektor perkhidmatan ekonomi, sosial, keselamatan dan pentadbiran am.

27 **B**

Ulasan: Matlamat dasar kewangan mengembang ialah menambah bekalan wang dalam ekonomi bagi mengatasi kemelesetan ekonomi dan pengangguran dengan mengurangkan kadar rizab tunai, mengurangkan kadar rizab berkanun, mengurangkan kadar faedah pinjaman, membeli surat jaminan kerajaan dan melonggarkan syarat sewa beli.

28 **A**

Ulasan: Peranan kerajaan dalam menggalakkan globalisasi ialah kerajaan mempengaruhi pandangan masyarakat tempatan tentang proses globalisasi. Kerajaan juga mengamalkan sikap terbuka terhadap kemasukan syarikat multinasional. Kerajaan melonggarkan kawalan terhadap aktiviti ekonomi melalui dasar kerajaan, undang-undang atau insentif yang diberikan akan mempengaruhi perkembangan globalisasi dalam negara. Pelaksanaan liberalisasi perdagangan dan blok perdagangan seperti AFTA untuk menggalakkan kerjasama antara negara dalam ekonomi. Kerajaan juga melaksanakan polisi mesra perniagaan dan pelbagai insentif seperti pelepasan cukai dan taraf perintis telah diperkenalkan untuk menarik syarikat multinasional dari negara lain, pengecualian visa untuk rakyat tertentu dan pemberian visa semasa ketibaan.

29 **D**

Ulasan: Tujuan sekatan perdagangan antarabangsa ialah melindungi industri muda tempatan, menghadapi persaingan, sebagai sumber hasil kerajaan, mewujudkan peluang pekerjaan, memperbaikiimbangan pembayaran, keselamatan dan mengatasi masalah lambakan.

30 **A**

Ulasan: Eksport barang tak nampak bermakna perkhidmatan yang ditawarkan oleh masyarakat Malaysia kepada rakyat asing.

31 **B**

Ulasan: Faktor-faktor yang boleh menyebabkan lebihan akaun semasa ialah permintaan yang tinggi untuk eksport, permintaan yang rendah untuk import, peningkatan produktiviti, peningkatan penerimaan pendapatan primer dan sekunder.

32 **D**

Ulasan: Nilai import pada Disember 2019
= USD50 000 × RM3.80 = RM190 000
Nilai import pada Januari 2020
= USD50 000 × RM4.10 = RM205 000
Nilai Ringgit Malaysia jatuh pada Januari 2020 menyebabkan kerugian sebanyak RM15 000 (RM205 000 – RM190 000 = RM15 000)

33 **B**

Ulasan: Jumlah permintaan terhadap Ringgit Malaysia adalah bergantung kepada jumlah eksport barang dan perkhidmatan ke luar negara. Permintaan terhadap Ringgit Malaysia akan meningkat apabila jumlah eksport barang dan perkhidmatan Malaysia meningkat.

34 **C**

Ulasan:

- I Betul – Hubungan songsang/negatif antara harga dan kuantiti diminta.
- II Betul – Hubungan songsang/negatif ini digambarkan oleh keluk permintaan yang mencerun ke bawah dari kiri ke kanan.

35 **A**

Ulasan:

- I Betul – Hukum penawaran menunjukkan hubungan langsung/positif antara harga dan kuantiti ditawarkan.
- II Salah – Hubungan langsung/positif ditunjukkan oleh keluk yang mencerun ke atas dari kiri ke kanan.

36 **A**

Ulasan:

- I Betul – Nilai pekali keanjalan harga penawaran melebihi 1 adalah anjal.
- II Salah – Barang pertanian adalah contohnya, barang tak anjal.

37 **B**

Ulasan:

- I Salah – Keperluan adalah sesuatu yang dipenuhi terlebih dahulu.
- II Betul – Contohnya, kehendak ialah pakej pelancongan.

38 **D**

Ulasan:

- I Salah – Untung adalah pulangan kepada usahawan kerana menggabungkan dan menyelaraskan faktor pengeluaran seperti buruh, tanah dan modal untuk menghasilkan barang dan perkhidmatan.
- II Salah – Untung diperolehi apabila jumlah hasil melebihi jumlah kos.



Soalan	Isi	Markah										
	<ul style="list-style-type: none"> - keuntungan meningkat - pelaburan firma meningkat - imej firma meningkat 	1 1 1										
	(iii) Kerajaan/negara <ul style="list-style-type: none"> - wujud lebih banyak peluang pekerjaan - produktiviti negara meningkat - KDNK meningkat - eksport negara meningkat - membawa pertumbuhan ekonomi yang pesat - hasil/pendapatan negara meningkat - imbalan pembayaran menjadi lebih baik - nilai mata wang meningkat - pelaburan kerajaan meningkat - kadar kemiskinan menurun - kadar pengangguran menurun/guna tenaga meningkat - imej negara meningkat 	1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1										
		[Maksimum: 4 markah]										
1(c)	Perbandingan antara barang pengganti dengan barang penggenap ialah											
	(i) Persamaan											
	<ul style="list-style-type: none"> - merupakan barang berkait - menunjukkan perubahan permintaan - merupakan penentu permintaan harga barang lain/penentu bukan harga barang itu 	1 1 1										
	(ii) Perbezaan											
	<table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr> <th style="width: 50%;">Barang Pengganti</th> <th style="width: 50%;">Barang Penggenap</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Barang yang boleh diganti dengan mudah oleh barang lain dari segi penggunaannya</td> <td>Barang yang perlu digunakan bersama dengan barang lain</td> </tr> <tr> <td>Hubungan positif/langsung antara harga sesuatu barang dengan permintaan barang penggantinya</td> <td>Hubungan songsang/negatif antara harga sesuatu barang dengan permintaan barang penggenapnya</td> </tr> <tr> <td>Contohnya, daging dan ikan</td> <td>Contohnya, pencetak dan kartrij</td> </tr> <tr> <td style="text-align: center;"> </td> <td style="text-align: center;"> </td> </tr> </tbody> </table>	Barang Pengganti	Barang Penggenap	Barang yang boleh diganti dengan mudah oleh barang lain dari segi penggunaannya	Barang yang perlu digunakan bersama dengan barang lain	Hubungan positif/langsung antara harga sesuatu barang dengan permintaan barang penggantinya	Hubungan songsang/negatif antara harga sesuatu barang dengan permintaan barang penggenapnya	Contohnya, daging dan ikan	Contohnya, pencetak dan kartrij			1 + 1 1 + 1 1 + 1 1 + 1
Barang Pengganti	Barang Penggenap											
Barang yang boleh diganti dengan mudah oleh barang lain dari segi penggunaannya	Barang yang perlu digunakan bersama dengan barang lain											
Hubungan positif/langsung antara harga sesuatu barang dengan permintaan barang penggantinya	Hubungan songsang/negatif antara harga sesuatu barang dengan permintaan barang penggenapnya											
Contohnya, daging dan ikan	Contohnya, pencetak dan kartrij											
		[Maksimum: 5 markah]										
1(d)(i)	Keanjalan harga permintaan barang tersebut ialah											
	$E_d = \frac{\text{Peratus perubahan kuantiti diminta}}{\text{Peratus perubahan harga}}$ $= \frac{20\%}{40\%}$ $= 0.5$	1 1 1										
		[Maksimum: 2 markah]										

Soalan	Isi	Markah												
2(c)	Perbezaan antara gaji buruh dengan sewa kilang ialah													
	<table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr> <th style="width: 50%;">Gaji buruh</th> <th style="width: 50%;">Sewa kilang</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Kos berubah</td> <td>Kos tetap</td> </tr> <tr> <td>Tidak wujud/tidak perlu dibayar apabila output sifar</td> <td>Tetap wujud/perlu dibayar walaupun output sifar</td> </tr> <tr> <td>Berubah secara langsung dengan perubahan tingkat output</td> <td>Tidak berubah/malar pada setiap tingkat output</td> </tr> <tr> <td>Wujud dalam jangka masa pendek dan panjang</td> <td>Hanya wujud dalam jangka masa pendek sahaja</td> </tr> <tr> <td>Bayaran atas penggunaan buruh</td> <td>Bayaran atas penggunaan kilang</td> </tr> </tbody> </table>	Gaji buruh	Sewa kilang	Kos berubah	Kos tetap	Tidak wujud/tidak perlu dibayar apabila output sifar	Tetap wujud/perlu dibayar walaupun output sifar	Berubah secara langsung dengan perubahan tingkat output	Tidak berubah/malar pada setiap tingkat output	Wujud dalam jangka masa pendek dan panjang	Hanya wujud dalam jangka masa pendek sahaja	Bayaran atas penggunaan buruh	Bayaran atas penggunaan kilang	1 + 1
	Gaji buruh	Sewa kilang												
	Kos berubah	Kos tetap												
	Tidak wujud/tidak perlu dibayar apabila output sifar	Tetap wujud/perlu dibayar walaupun output sifar												
	Berubah secara langsung dengan perubahan tingkat output	Tidak berubah/malar pada setiap tingkat output												
Wujud dalam jangka masa pendek dan panjang	Hanya wujud dalam jangka masa pendek sahaja													
Bayaran atas penggunaan buruh	Bayaran atas penggunaan kilang													
		1 + 1												
		1 + 1												
		1 + 1												
		1 + 1												
		1 + 1												
		[Maksimum: 6 markah]												
2(d)	Kesan perkembangan tersebut terhadap ekonomi negara secara keseluruhan ialah													
	(i) Isi rumah/buruh													
	– kemahiran/kualiti buruh meningkat	1												
	– mobiliti buruh meningkat	1												
	– meningkatkan upah buruh (gaji dan pendapatan diterima)	1												
	– kuasa beli/permintaan meningkat (kos sara hidup menurun)	1												
	– kepuasan buruh meningkat	1												
	– taraf hidup buruh meningkat	1												
	(ii) Firma/pengeluar													
	– meningkatkan output firma	1												
	– produk yang dihasilkan lebih berkualiti/berdaya saing	1												
	– daya saing firma meningkat	1												
	– firma cenderung meningkatkan aktiviti R&D/pelaburan baharu meningkat (ciri-ciri usahawan kreatif)	1												
	– kecekapan firma meningkat/mengurangkan pembaziran sumber/kos purata menurun	1												
	– keuntungan firma meningkat	1												
	– imej firma meningkat	1												
	– peningkatan kos pengeluaran akibat peningkatan upah buruh	1												
	(iii) Kerajaan/negara													
	– melahirkan lebih ramai buruh mahir	1												
	– KDNK meningkat/pertumbuhan ekonomi meningkat	1												
	– pelaburan asing/FDI/pelaburan domestik meningkat/imej negara meningkat	1												
	– pendapatan negara meningkat (kerajaan boleh belanja)	1												
	– meningkatkan eksport	1												
– aliran masuk wang meningkat	1													
– imbalan pembayaran lebih baik	1													
– nilai RM meningkat	1													
– kadar kemiskinan menurun	1													
– masalah sosial/jenayah menurun	1													
– inflasi meningkat	1													
– buruh mahir cenderung berpindah/ditawarkan bekerja di syarikat luar negara	1													
		[Maksimum: 6 markah]												

Soalan	Isi	Markah
	<ul style="list-style-type: none"> - hubungan baik dengan rakan dagang/kerjasama/persefahaman - perbezaan iklim/tanah - perbezaan sumber semula jadi - budaya masyarakat berbeza - perbezaan harga faktor pengeluaran 	1 1 1 1 1 [Maksimum: 5 markah]
3(d)(i)	Arah aliran nilai eksport dan nilai import ialah <ul style="list-style-type: none"> - naik turun - eksport naik dari 2017 ke 2018 - eksport turun dari 2018 ke 2019 - import naik dari 2017 ke 2018 - import turun dari 2018 ke 2019 	1 1 1 1 1 [Maksimum: 2 markah]
3(d)(ii)	Arah aliran naik turun mempengaruhi nilai Ringgit Malaysia kerana <ul style="list-style-type: none"> - imbangan dagangan sentiasa positif/surplus/lembah/lebih banyak/imbangan pembayaran meningkat - nilai eksport sentiasa melebihi nilai import - eksport mewujudkan permintaan terhadap Ringgit Malaysia - import mewujudkan penawaran terhadap Ringgit Malaysia - permintaan terhadap Ringgit Malaysia melebihi penawaran terhadap Ringgit Malaysia - nilai Ringgit Malaysia naik - penerimaan kewangan melebihi pembayaran kewangan 	1 1 1 1 1 1 1 [Maksimum: 3 markah]

Bahagian B

Soalan	Isi	Markah
4(a)	PERODUA menyelesaikan masalah tersebut dengan cara <ul style="list-style-type: none"> - PERODUA kekurangan faktor pengeluaran/modal - kekurangan cip semikonduktor - syarikat tidak dapat meningkatkan pengeluaran kenderaan Myvi/melaksanakan catuan - syarikat terpaksa membuat pilihan sama ada mengurangkan model Myvi atau meningkatkan model kereta lain - syarikat memilih meningkatkan pengeluaran model lain - pilihan untuk memaksimumkan keuntungan/meminimumkan kos pengeluaran - wujud kos lepas, iaitu mengurangkan pengeluaran Myvi 	1 1 1 1 1 1 1 [Maksimum: 5 markah]
4(b)	Kesan prestasi jualan pada bulan April kepada PERODUA ialah <ul style="list-style-type: none"> - prestasi jualan merosot 17% / 20 399 unit - jumlah hasil jatuh/jumlah jualan menurun - keuntungan syarikat merosot - aktiviti R&D terjejas - pelaburan baharu berkurang - ganjaran/bonus pekerja berkurang/komisen berkurang - imej syarikat terjejas - keyakinan pelanggan terjejas/hilang pelanggan/permintaan menurun - produktiviti syarikat terhad - daya saing PERODUA merosot - syarikat perlu mengubah suai strategi pemasaran 	1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1

Soalan	Isi	Markah
<p>6(a)</p>	<p>Sektor ekonomi yang terlibat ialah</p> <ul style="list-style-type: none"> - sektor utama/primer - pengeluaran secara langsung - sumber semula jadi - tanpa mengubah suai bentuk barang/tiada nilai tambah - aktiviti penternakan/pertanian - menghasilkan barang makanan - contohnya, telur ayam/daging ayam/yang sesuai dengan ayam - sebagai sokongan kepada sektor kedua dan ketiga - pembekal bahan mentah - sektor yang menyerap guna tenaga - contohnya, pekerjaan yang ada kaitan dengan ternakan ayam - merupakan penyumbang guna tenaga ke-4 dalam negara 	<p>1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1</p> <p>[Maksimum: 4 markah]</p>
<p>6(b)</p>	<p>Kesan masalah tersebut terhadap penawaran firma ialah</p>  <ul style="list-style-type: none"> - perubahan penawaran/penawaran berkurang - disebabkan penentu harga faktor pengeluaran - harga soya/jagung meningkat/makanan ayam naik - kos pengeluaran ayam meningkat - keluk S_0S_0 beralih ke kiri/S_0S_0 ke S_1S_1 - harga ayam tidak berubah - kuantiti penawaran berkurang Q_0 ke Q_1 	<p>3 1 1 1 1 1 1 1</p> <p>[Maksimum: 7 markah]</p>
<p>6(c)</p>	<p>Saya tidak bersetuju kerana kerajaan boleh meningkatkan bekalan ayam tanpa memberi subsidi kepada penternak. Salah satu caranya ialah dengan memberi banyak permit import ayam kepada agensi tertentu. Contohnya, Lembaga Pertubuhan Peladang mengimport ayam dari Thailand. Kesanya, bekalan ayam akan meningkat dan masalah kekurangan ayam tempatan dapat diatasi.</p> 	

Soalan	Isi	Markah
	<p>Pada titik keseimbangan asal E_0, harga asal adalah pada P_0 dan kuantiti penawaran asal pada Q_0. Apabila kemasukan ayam import dari Thailand, keluk penawaran ayam beralih dari keluk S_0S_0 ke keluk S_1S_1. Pada titik keseimbangan baharu E_1, harga keseimbangan baharu pada P_1 dan kuantiti penawaran baharu pada Q_1, pasaran berlaku lebihan penawaran menyebabkan harga cenderung menurun dari P_0 ke P_1 dan kuantiti penawaran meningkat dari Q_0 ke Q_1.</p> <p>Kesimpulannya, tindakan kerajaan mengimport ayam dapat mengatasi masalah kenaikan harga ayam dalam pasaran untuk tempoh sementara sahaja. Penternak ayam sewajarnya perlu menggunakan teknologi yang canggih bagi menghasilkan makanan yang lebih murah berasaskan bahan tempatan. Dengan ini dapat menjamin bekalan ayam yang berterusan dalam jangka masa yang panjang.</p>	<p>[Maksimum: 9 markah]</p>
<p>7(a)</p>	<p>Isu kenaikan harga tersebut berlaku kerana</p> <p>(i) Inflasi tarikan permintaan</p> <ul style="list-style-type: none"> - berlaku peningkatan permintaan semasa tingkat guna tenaga penuh - stok barangan tidak boleh ditambah/sukar menambahkan tingkat pengeluaran - sumber/input pengeluaran/tanah/buruh/modal telah digunakan sepenuhnya - berlaku lebihan permintaan - disebabkan peningkatan pendapatan/penentu lain - berlaku peningkatan perbelanjaan masyarakat/kuasa beli naik - berlaku pertambahan bekalan wang dalam pasaran - kerajaan meningkatkan perbelanjaan kerajaan - contohnya, pemberian bonus/perbelanjaan pembangunan - kos pengeluaran meningkat - contohnya, kenaikan upah - pengeluar memindahkan beban peningkatan kos kepada pengguna - untuk mengekalkan margin keuntungan <p>(ii) Inflasi tolakan kos</p> <ul style="list-style-type: none"> - kos pengeluaran meningkat - contohnya, kenaikan upah - pengeluar memindahkan beban peningkatan kos kepada pengguna - untuk mengekalkan margin keuntungan <p>(iii) Inflasi diimport</p> <ul style="list-style-type: none"> - peningkatan harga bahan mentah yang diimport - negara pengeksport mengalami inflasi/kejatuhan nilai RM 	<p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>[Maksimum: 4 markah]</p>
<p>7(b)</p>	<p>Saya bersetuju bahawa perubahan harga tersebut memberi kesan buruk kepada masyarakat kerana apabila harga barang meningkat kos sara hidup masyarakat akan meningkat disebabkan upah benar yang dimiliki tidak dapat membiayai harga barang dan perkhidmatan yang sedia ada. Dengan ini kuasa beli masyarakat akan berkurang.</p> <p>Maka, masyarakat cenderung untuk mengambil wang simpanan atau membuat pinjaman untuk membiayai perbelanjaan kos tersebut. Kepuasan dan kehendak masyarakat juga akan menurun. Taraf hidup masyarakat juga akan menurun. Lama-kelamaan wang simpanan akan habis digunakan dan berlaku kesukaran untuk membayar balik pinjaman bank perdagangan. Maka, masyarakat terpaksa menjual aset-aset mereka seperti rumah dan tanah bagi membiayai pinjaman tersebut.</p>	<p>[Maksimum: 9 markah]</p>

KERTAS 1

1 **A**

Ulasan: Titik X merupakan tahap ketidakupayaan firma untuk mengeluarkan barangan berdasarkan andaian semua tenaga buruh telah digunakan dan teknologi tetap. Namun jika teknologi ditingkatkan keupayaannya, maka kombinasi X boleh dicapai.

2 **A**

Ulasan: Pemilihan cara pengeluaran adalah berdasarkan kaedah dan cara yang paling cekap sama ada menggunakan intensif buruh atau modal. Kos pengeluaran terlibat secara langsung dengan pemilihan kedua-dua intensif ini sama ada intensif buruh atau intensif modal atau kedua-duanya yang dapat memaksimumkan untung dan meminimumkan kos.

3 **B**

Ulasan: Persaingan bebas dan mekanisme harga ialah ciri-ciri utama sistem ekonomi kapitalis. Pilihan pengguna juga tidak terbatas dan motif pengeluaran bagi sistem ekonomi ini ialah untuk memaksimumkan untung sahaja.

4 **C**

Ulasan: Ini menunjukkan peranan kerajaan dalam memastikan bekalan barangan keperluan yang merupakan ciri utama dalam sistem perancangan pusat dan juga dalam campuran kerana dalam kedua-dua sistem ekonomi ini ada peranan dan campur tangan kerajaan.

5 **D**

Ulasan: Keluk permintaan beralih ke kanan menunjukkan permintaan bertambah pada masa ini disebabkan jangkaan harga pada masa depan akan meningkat. Peningkatan duti eksais, pendapatan boleh cukai dan harga barang penggenap menyebabkan permintaan menurun.

6 **A**

Ulasan: Peningkatan teknologi biasanya meningkatkan efisiensi pengeluaran yang membolehkan pengeluaran menawarkan lebih banyak barang pada setiap tingkat harga, menyebabkan keluk penawaran bergerak ke kanan.

7 **D**

Ulasan: Keluk penawaran beralih ke kanan menunjukkan peningkatan penawaran disebabkan kerajaan memberi subsidi dan penggunaan kecanggihan teknologi dalam penanaman sawit. Kemasukan buruh asing diperketat dan pembangunan kawasan perumahan menyebabkan penawaran akan menurun.

8 **B**

Ulasan: Kedai runcit yang beroperasi akan menyebabkan peningkatan permintaan dan dalam jangka masa tertentu firma akan menambah pengeluaran untuk menampung permintaan, maka penawaran juga akan bertambah. Ini ditunjukkan oleh kedua-dua keluk beralih ke kanan.

9 **A**

Ulasan: Jadual menunjukkan kuantiti permintaan daging kambing berkurang sedangkan harga tidak berubah. Ini disebabkan faktor selain harga barang itu yang menyebabkan keluk permintaan beralih ke kiri menunjukkan kuantiti diminta berkurang.

10 **B**

Ulasan: Keluk permintaan tersebut berbentuk landai. Ini menunjukkan perubahan kuantiti lebih besar berbanding perubahan harga yang bersifat anjal. Penurunan harga sedikit menyebabkan kuantiti permintaan bertambah dengan banyak. Pengguna responsif terhadap perubahan harga.

11 **D**

Ulasan: Bilangan barang pengganti yang banyak biasanya meningkatkan keanjalan harga permintaan kerana pengguna mempunyai pilihan untuk beralih kepada barang lain jika harga barang tersebut meningkat.

12 **A**

Ulasan: Keluk penawaran tersebut berbentuk landai. Ini menunjukkan perubahan kuantiti lebih besar berbanding perubahan harga yang bersifat anjal. Kenaikan harga sedikit menyebabkan kuantiti penawaran bertambah dengan banyak. Nilai pekali keanjalan 2.0 adalah nilai yang anjal melebihi 1.

13 **A**

Ulasan:
Faedah = Jumlah overdraf × Kadar faedah
= RM6 000 × 0.04
= RM240

Jumlah yang perlu dibayar semula
= Jumlah overdraf + Faedah
= RM6 000 + RM240
= RM6 240

Jadi, jumlah yang perlu dibayar semula oleh Puan Yana untuk kemudahan overdraf selama setahun adalah RM6 240.

14 **D**

Ulasan: Sektor utama merujuk kepada aktiviti yang melibatkan pengambilan sumber asli secara langsung, seperti pertanian, perikanan, perlombongan, dan kuari.

15 C

Ulasan: Dividen merupakan sebahagian daripada keuntungan syarikat yang dibayar kepada pemegang saham syarikat. Merupakan kepada pemilik modal wang.

16 D

Ulasan: Keperluan ialah makanan, pakaian, dan tempat tinggal adalah sama untuk semua manusia, sementara kehendak berbeza-beza bergantung kepada individu dan budaya.

17 C

Ulasan: II menunjukkan bahawa Encik Fauzi membuat catatan sumber pendapatannya, dan III menunjukkan bahawa Puan Yusmaini mengenal pasti potongan wajib yang dibayar. Kedua-dua langkah ini penting dalam penyediaan belanjawan peribadi.

18 C

Ulasan: Belanjawan peribadi membantu individu merancang dan mengawal perbelanjaan mereka agar sepadan dengan pendapatan yang diterima, memastikan kewangan dapat diurus dengan baik.

19 C

Ulasan: Input tersebut merupakan input tetap yang tetap wujud walaupun pada output sifar. Ketika belum ada sebarang output dihasilkan, input tetap ini telah wujud.

20 D

Ulasan:
Keluaran Marginal
= Perubahan jumlah keluaran / Perubahan input berubah
= $1\,200 - 800 / 20 - 15 = 80$ pasang kasut

21 B

Ulasan: Kos purata merujuk kepada jumlah kos total dibahagikan dengan jumlah unit output yang dihasilkan, memberi gambaran tentang kos per unit untuk pengeluaran.

22 A

Ulasan:
Jumlah kos = Kos purata \times Output
= $RM16 \times 25$
= RM400
Jumlah kos = Kos tetap + Kos berubah
Kos tetap = Jumlah kos - Kos berubah
= $RM400 - RM250$
= RM150

23 A

Ulasan: Untung adalah hasil daripada operasi perniagaan selepas hasil ditolak semua kos. Ini menunjukkan pendapatan produktif kerana melibatkan proses pengeluaran.

24 C

Ulasan: Eksternaliti merujuk kepada kesan positif atau negatif yang dihasilkan oleh aktiviti ekonomi yang mempengaruhi pihak ketiga yang tidak terlibat secara langsung dalam pengeluaran. Peningkatan tahap kesihatan masyarakat adalah contoh faedah sosial yang diperoleh pihak ketiga.

25 B

Ulasan: Inflasi tolakan kos berlaku apabila kos pengeluaran meningkat yang menyebabkan pengeluar menaikkan harga barang dan perkhidmatan untuk mengekalkan margin keuntungan.

26 C

Ulasan: Dasar fiskal yang mengembang sering melibatkan pengurangan cukai untuk meningkatkan pendapatan dan permintaan agregat.

27 B

Ulasan: Meningkatkan pinjaman maksimum dan tempoh bayar balik membolehkan individu dan perniagaan meminjam lebih banyak, yang berpotensi meningkatkan permintaan agregat. Keadaan ini menunjukkan bank pusat telah melonggarkan syarat sewa beli untuk atasi keadaan deflasi.

28 D

Ulasan: Pelaburan langsung asing dapat meningkatkan kemampuan pengeluaran barang dan perkhidmatan dan dapat menggalakkan daya saing firma tempatan.

29 C

Ulasan: Tarif adalah cukai yang dikenakan ke atas barang import yang menyebabkan harga barang import lebih mahal berbanding barang tempatan.

30 C

Ulasan: Subsidi dapat membantu menurunkan kos pengeluaran bagi pengusaha tempatan, membolehkan mereka menawarkan harga yang lebih kompetitif di pasaran global.

31 A

Ulasan: Peningkatan penggunaan barang import biasanya akan menyebabkan nilai import melebihi nilai eksport yang seterusnya menciptakan imbalance dagangan negatif.

32 **B**

Ulasan: Ini melibatkan permintaan Ringgit Malaysia kerana Encik Shafiq perlu menukar RM kepada mata wang asing untuk membayar yuran dan perbelanjaan pendidikan di luar negara.

33 **D**

Ulasan:

I Salah – Ekonomi berkaitan penyesuaian sumber untuk memenuhi kehendak manusia yang tidak terbatas.

II Salah – Kehendak merujuk kepada barang atau perkhidmatan yang diinginkan oleh manusia, tetapi tidak semuanya perlu dimiliki.

34 **A**

Ulasan:

I Betul – Hukum permintaan menyatakan bahawa apabila harga menurun, kuantiti yang diminta akan meningkat.

II Salah – Hukum permintaan menyebabkan keluk permintaan mencerun ke bawah dari kiri ke kanan, bukan ke atas.

35 **D**

Ulasan:

I Salah – Hukum penawaran menyatakan bahawa jika harga barang meningkat, kuantiti yang ditawarkan akan meningkat, bukan berkurang.

II Salah – Terdapat hubungan positif antara harga barang dengan kuantiti yang ditawarkan dalam hukum penawaran.

36 **A**

Ulasan:

I Betul – Potongan wajib seperti cukai dan caruman akan mengurangkan pendapatan semasa individu.

II Salah – Caruman insurans nyawa bukan potongan wajib tetapi perbelanjaan.

37 **A**

Ulasan:

I Betul – Proses pengeluaran memang memerlukan penggabungan input-input untuk menghasilkan sejumlah output.

II Salah – Penghasilan output biasanya bertujuan untuk memaksimumkan keuntungan pengeluaran, memaksimumkan kebijakan pengguna adalah peranan kerajaan.

38 **C**

Ulasan:

I Betul – Keberkesanan dan kecekapan penggunaan input pengeluaran memang mempengaruhi produktiviti.

II Betul – Produktiviti meningkat disebabkan daya inovasi dalam kaedah pengeluaran meningkat.

39 **B**

Ulasan:

I Salah – Kos sosial merujuk kepada kos yang ditanggung oleh pihak ketiga yang tidak ditanggung oleh firma dan pengguna secara langsung dalam proses pengeluaran.

II Betul – Kos sosial sering kali merujuk kepada eksternaliti negatif, iaitu kos yang ditanggung oleh pihak ketiga yang tidak terlibat dalam proses pengeluaran.

40 **C**

Ulasan:

I Betul – Kadar pertukaran asing adalah nilai satu unit wang sesebuah negara dalam sebutan mata wang negara lain.


II Betul – Perubahan kadar pertukaran asing akan mempengaruhi permintaan ke atas eksport dan import negara kerana mempengaruhi harga relatif barang antara negara.


Soalan	Isi	Markah
1(d)	(i) Nilai keanjalan harga penawaran barang tersebut ialah $Es = \frac{\% \Delta Q}{\% \Delta P}$ $= \frac{1\%}{2\%}$ $= 0.5$ (ii) Nilai keanjalan harga penawaran barang di 1(d)(i) <ul style="list-style-type: none"> - tidak anjal - nilai keanjalan kurang dari 1 - apabila harga berubah 1% kuantiti penawaran berubah 0.5% sahaja - apabila harga meningkat 1% kuantiti penawaran meningkat 0.5 % sahaja 	1 1 1 [Maksimum: 2 markah] 1 1 1 1 [Maksimum: 2 markah]
2(a)	Fungsi wang tersebut ialah Alat bayaran tertunda <ul style="list-style-type: none"> - digunakan untuk bayaran ansuran - RM80.20 sebulan - jualan secara kredit/hutang - mesin basuh diperoleh dahulu sebelum habis bayar Alat ukuran nilai <ul style="list-style-type: none"> - merujuk pada harga barangan - nilai RM/disebut dalam nilai wang - RM2888.00 - harga boleh dibandingkan 	1 1 1 1 1 1 1 1 1 [Maksimum: 6 markah]
2(b)	Penjawat awam yang sudah tamat perkhidmatan masih menerima pendapatan <ul style="list-style-type: none"> - wang pencen/ganjaran - pesara menerima pencen setiap bulan - bayaran pindahan - pendapatan tidak produktif - diterima tanpa memberi sumbangan dalam proses pengeluaran - pencen meningkat setiap tahun - kebajikan pesara terjamin 	1 1 1 1 1 1 1 [Maksimum: 5 markah]
2(c)	(i) X ialah $X = \text{Keluaran purata} \times \text{Input berubah}$ $= 22 \times 78$ $= 1\ 716 \text{ unit}$	1 1 1 [Maksimum: 2 markah]

Soalan	Isi	Markah
2(d)	<p>(ii) Jangka masa pengeluaran firma tersebut ialah</p> <ul style="list-style-type: none"> - jangka masa pendek - wujud input tetap - contoh: tanah - input tetap tidak berubah mengikut tingkat output - input tetap 1 unit - jumlah keluaran bertambah apabila input berubah bertambah - hubungan langsung antara input berubah dengan jumlah keluaran <p>Persekitaran kerja dapat meningkatkan produktiviti sesebuah firma dengan cara</p> <ul style="list-style-type: none"> - memastikan pekerja selesa/gembira - contoh: menyediakan pendingin hawa - memastikan persekitaran kondusif - menyusun atur tempat kerja dengan baik - menyediakan kelengkapan yang cukup - contoh: menyediakan kantin/kafe di tempat kerja - memastikan pekerja selamat - contoh: menyediakan pengawal keselamatan - memastikan operasi lancar/cepat/mudah - contoh: menyediakan kemudahan Internet 	<p>1 1 1 1 1 1 1</p> <p>[Maksimum: 3 markah]</p> <p>1 1 1 1 1 1 1 1 1 1</p> <p>[Maksimum: 4 markah]</p>
3(a)	<p>(i) Antara kesan yang akan dihadapi sekiranya keadaan tersebut berterusan ialah Tabungan</p> <ul style="list-style-type: none"> - kos sara hidup naik - perbelanjaan meningkat - individu berbelanja menggunakan wang tabungan - individu terpaksa menggunakan wang simpanan - jumlah tabungan berkurangan - nilai wang merosot - kuasa beli jatuh <p>(ii) Eksport negara</p> <ul style="list-style-type: none"> - kos pengeluaran barangan eksport meningkat - harga barangan eksport lebih mahal - permintaan/jumlah barangan eksport turun - aliran wang masuk ke dalam negara jatuh - permintaan/nilai RM turun - pendapatan eksport jatuh - imbalan dagangan terjejas - daya saing barangan eksport jatuh - industri berorientasikan eksport terjejas 	<p>1 1 1 1 1 1 1</p> <p>[Maksimum: 3 markah]</p> <p>1 1 1 1 1 1 1 1 1</p> <p>[Maksimum: 3 markah]</p>

Bahagian B

Soalan	Isi	Markah
4(a)	<p>Sebagai usahawan PKS tersebut saya akan menyelesaikan masalah penentuan jenis dan corak agihan barang dengan cara</p> <ul style="list-style-type: none"> - mengikut permintaan pelanggan - jika pelanggan meminta barangan halal, maka barangan halal akan dikeluarkan - mengikut kuasa beli dan kemampuan pengguna - jika kuasa beli terhadap barangan halal tinggi, maka barangan halal akan dikeluarkan - untuk memenuhi bekalan yang mencukupi - mengikut kajian pasaran - mengikut cita rasa/budaya/corak pendapatan 	<p>1 1 1 1 1 1 1</p> <p>[Maksimum: 6 markah]</p>
4(b)	<p>Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) mengambil langkah sedemikian kerana</p> <ul style="list-style-type: none"> - untuk meluaskan pasaran produk halal ke luar negara - PKS dapat meningkatkan kecekapan pengeluaran - teknologi pengeluaran dapat dikembangkan - penghasilan keluaran barang industri halal yang berkualiti - pengeluaran berskala besar - wujud lebih penawaran - membolehkan barang dieksport ke luar negara - barangan yang dihasilkan berkualiti/berdaya saing - PKS dapat meningkatkan keuntungan - PKS dapat membuat pelaburan firma - meningkatkan daya keusahawanan/R&D - imej PKS meningkat 	<p>1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1</p> <p>[Maksimum: 9 markah]</p>
4(c)	<p>Faktor yang mendorong PKS tersebut menyahut langkah yang diambil oleh MITI ialah</p> <ul style="list-style-type: none"> - dapat meluaskan pasaran barangan halal - keuntungan firma meningkat - PKS dapat berkembang menjadi firma besar - memperoleh insentif daripada kerajaan - pemberian subsidi/cukai yang rendah - harga produk dapat dikurangkan - produk berdaya saing - pengeluaran akan lancar/skala besar - memperoleh tenaga buruh yang mahir - meningkatkan keluaran - meningkatkan produktiviti - kecekapan meningkat 	<p>1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1</p> <p>[Maksimum: 5 markah]</p>
5(a)	<p>Jenis perbelanjaan kerajaan tersebut ialah</p> <ul style="list-style-type: none"> - perbelanjaan mengurus - perbelanjaan semasa kerajaan - perbelanjaan yang berulang - merupakan perbelanjaan terbesar kerajaan - pemberian subsidi penggunaan elektrik rakyat - pemberian rebat RM40 - bantuan kerajaan untuk mengurangkan beban rakyat - untuk meningkatkan taraf hidup rakyat - tidak dipengaruhi oleh hasil negara 	<p>1 1 1 1 1 1 1 1 1</p> <p>[Maksimum: 4 markah]</p>

Soalan	Isi	Markah
<p>5(b)</p>	<p>Program tersebut memberi kesan terhadap pasaran barang keperluan kerana</p>  <p>– permintaan barang keperluan meningkat – disebabkan oleh pemberian rebat – keluk keseimbangan asas pada titik E_0, harga P_0 dan kuantiti Q_0 – keluk permintaan beralih ke kanan D_0D_0 ke D_1D_1 – berlaku lebih permintaan – keseimbangan pasaran baharu pada titik $E_1/P_1/Q_1$ – harga barang keperluan meningkat kepada P_1 – kuantiti bertambah kepada Q_1</p>	<p>3</p> <p>1 1 1 1 1 1 1 1 1</p> <p>[Maksimum: 7 markah]</p>
<p>5(c)</p>	<p>Bantuan tersebut dapat meningkatkan kesejahteraan penerima, iaitu</p> <ul style="list-style-type: none"> – rebat elektrik dapat meningkatkan pendapatan boleh guna penerima – penjimatan dapat digunakan untuk keperluan lain – penerima boleh membeli barang kehendak – penerima dapat memaksimumkan kepuasan – tabungan dapat ditambah – taraf hidup meningkat – dapat elak tekanan hutang/tunggakan bil – masalah kewangan berkurangan – kesejahteraan keluarga terjamin 	<p>1 1 1 1 1 1 1 1 1</p> <p>[Maksimum: 9 markah]</p>
<p>6(a)</p>	<p>Berdasarkan Maklumat 1, rakyat tempatan bersikap demikian kerana</p> <ul style="list-style-type: none"> – upah wang yang rendah – suasana tempat kerja kurang selesa – lokasi tempat kerja di luar bandar – faedah sampingan pekerjaan rendah – risiko kerja di ladang lebih tinggi – jaminan kerja rendah – tiada kemahiran 	<p>1 1 1 1 1 1 1</p>

Soalan	Isi	Markah
	<p>(ii) Rajah berdasarkan jawapan pada 7(a)(i) ialah</p>  <p>– perubahan disebabkan faktor bukan harga – harga kos pengeluaran meningkat – keluk penawaran firma beralih ke kiri/S_0S_0 ke S_1S_1 – harga tidak berubah – kuantiti penawaran berkurang dari Q_0 ke Q_1</p>	<p>2</p> <p>1 1 1 1 1</p> <p>[Maksimum: 4 markah]</p>
7(b)	<p>Jangkaan berkaitan dengan situasi ekonomi tersebut akan mempengaruhi kehidupan masyarakat kerana</p> <p>Sisi pertama:</p> <ul style="list-style-type: none"> – kos sara hidup masyarakat akan meningkat – terpaksa berbelanja menggunakan wang tabungan – jumlah wang simpanan berkurang – meminjam wang untuk beli barang keperluan – beban hutang meningkat – tidak dapat membeli barang kehendak – tidak dapat mencapai kepuasan maksimum – terpaksa bekerja lebih masa/kerja lebih daripada satu pekerjaan <p>Sisi kedua:</p> <ul style="list-style-type: none"> – memperoleh pendapatan lebih – menjadi lebih produktif – tambah kemahiran/kepakaran baharu – taraf hidup meningkat 	<p>1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1</p> <p>[Maksimum: 9 markah]</p>
7(c)	<p>Kawalan kadar faedah oleh Bank Negara Malaysia dapat menangani jangkaan tersebut dengan cara</p> <ul style="list-style-type: none"> – menaikkan kadar faedah – dasar kewangan menguncup – kos pinjaman akan meningkat – jumlah pinjaman akan berkurangan – jumlah pelaburan berkurang – pengeluaran/penawaran agregat jatuh – bekalan wang dalam pasaran berkurang – pembelian secara kredit berkurang – kuasa beli jatuh – permintaan agregat menurun – harga akan cenderung turun 	<p>1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1</p> <p>[Maksimum: 6 markah]</p>